

Resapkan dasar Etika Polis

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) digesa supaya meningkatkan daya usaha dalam menguatkuasakan undang-undang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis bertitah, peranan PDB sangat besar untuk kestabilan, keamanan dan keselamatan negara.

Dengan yang demikian, PDB perlu mengemaskan organisasinya, di samping aktif melakukan perubahan-perubahan yang diperlukan, tegas baginda.

Perubahan-perubahan tersebut titah baginda, termasuk ke arah memperkaya minda dan memantapkan etika, selaku pihak penguat kuasa undang-undang.

"Di sini, kita juga jangan lupa untuk meningkatkan perkhidmatan berdisiplin, berintegriti, telus dan berkualiti, sesuai dengan cabaran-cabaran yang sering dihadapi.

Soal integriti dan etika ini memang sangat diperlukan, kerana ia berhubung rapat dengan kerja-kerja kepolisian dan juga menjadi prasyarat dalam perkhidmatan. Ianya penting, sebagai jaminan untuk menentukan perkhidmatan oleh pasukan kepada *stakeholders* atau masyarakat adalah cemerlang," titah baginda di Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan PDB, di sini.

Baginda bertitah menegaskan bahawa sudah sampai masanya dasar Etika Polis atau Police Ethics diresapkan dalam pentadbiran pasukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Pasukan Polis Diraja Brunei. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 3, 12 dan 13).

Ke muka 3

KHEDN melaksanakan tiga KPI di bawah Strategi Pembangunan Institusi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apung berkata, di bawah Strategi Pembangunan Institusi, terdapat tiga Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), iaitu KPI 2.4 Peratus rakyat yang berpindah dari pendapatan rendah kepada pendapatan lebih tinggi, KPI 2.6 Tahap kepuasan hati pelanggan di Sektor Swasta dan KPI 2.11 Indeks Perpaduan Masyarakat.

Terdahulu jelasnya, KHEDN bersama Jabatan Perdana Menteri dipertanggungjawabkan bagi menerajui Strategi Pembangunan Institusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menegaskan perkara tersebut pada Sesi Muzakarah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara 2017 yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Berakas, di sini.

Ke muka 8

Majlis Kesyukuran pada 22 Februari

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Negara Brunei Darussalam akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 Tahun pada 23 Februari ini dengan tema sambutan ialah 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), sehubungan itu, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun akan diadakan secara serentak

di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien pada petang hari Rabu malam khamis, 22 Februari ini mulai jam 5.45 petang.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama hadir di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada petang hari Rabu malam Khamis bermula jam 5.45 petang dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan beberapa masjid tumpuan yang lain.

Bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan di Jame' 'Asr Hassani

Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkuring; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Sementara itu, bagi Daerah Belait akan diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Masjid RPN Kampung Pandan dan Masjid Pekan Seria.

Manakala di Daerah Tutong akan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Daerah Temburong akan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

IKUTI KAMI DI

infodept.bn

@Infodept_bn

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Perkhidmatan ehwal ugama sentiasa kukuh dan berkembang

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

SYUKUR Alhamdulillah kita dapat bertemu pagi ini untuk acara muzakarah.

Mudah-mudahan kesempatan ini kita manfaatkan sebaik yang mungkin dalam suasana dan semangat muhibah yang sedia ada di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang mana Yang Berhormat sekalian adalah ahli-ahlinya.

Meskipun sebahagian besar Yang Berhormat baru pertama kali dilantik, kecuali tiga orang, iaitu masing-masing seorang ahli dari kalangan orang-orang bergelar dan dua orang lagi dari kalangan wakil-wakil daerah, namun hal itu adalah satu lagi tanda dinamikannya MMN sebagai institusi permesyuaratan yang telah diadakan semula sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negara.

Sesungguhnya kita sekalian (saya sempatkan menyebut 'kita') adalah mendapat penghormatan menduduki MMN dengan masing-masing menurut kategori lantikan, termasuk saya sebagai Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Penghormatan itu serentak dengan taklif atau *tasking* berupa tanggungjawab memegang amanah untuk menjayakan MMN yang diadakan semula itu dan kita "Mempunyai tanggungjawab untuk memartabatkan MMN sebagai institusi yang dihormati serta boleh berfungsi sebagai forum perbincangan yang betul-betul membina"; iaitu sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah 13 tahun yang lalu semasa Istiadat Pembukaan Rasmi MMN pada hari Sabtu, 10 Syaaban 1425 Hijrah bersamaan 25 September 2004 Masihi, di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Dan sekarang ternyata bahawa penubuhan semula MMN semenjak hampir 13 tahun itu adalah menepati hasrat baginda 'untuk mewujudkan struktur perundingan yang lebih formal'.

Penubuhan semula itu ialah setelah baginda menilai keperluan dan kesesuaiannya. Baginda, dalam titah sempena yang sama itu menyatakan bahawa "Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui pelbagai peringkat. Sudah barang tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula MMN ini, yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan."

Maka Alhamdulillah dan dengan izin Allah serta dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, MMN telah menepati fungsinya, walaupun baru



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap pada Muzakarah Kementerian Hal Ehwal Ugama Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara 2017 pada hari Isnin, 9 Jamadilawal 1438 Hijrah / 6 Februari 2017 Masihi di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

dalam usia kurang dari dua dekad.

Ternyata bahawa fungsinya itu adalah serasi dengan cara kita di negara ini menyuarakan pendapat atau pun merespons kepada sebarang perkara dengan ikhlas dan cara yang terhormat bersopan santun.

Tegasnya, melalui MMN sekarang kita berunding. Kita bermuzakarah. Kita saling ingat-mengingati. Semuanya demi kebaikan bersama kerajaan dan rakyat.

Dalam prosesnya kita akan sentiasa bertaat setia mendukung kepimpinan pemerintahan beraja. Kepimpinan pemerintahan yang telah berjaya memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan kesentosaan kepada negara.

Dalam hubungan inilah Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat menghargakan Forum Muzakarah Pra-Persidangan MMN ini.

Semoga maklumat yang diperolehi oleh Yang Berhormat sekalian mengenai *care business* kementerian ini dan usaha-usaha menjayakannya diharap akan membantu Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan input yang sangat berharga untuk sebarang pembaikan.

Setakat ini, kementerian dapat menyatakan bahawa pada umumnya ia terus meneruskan berkembang dan mencapai kemajuan dalam bidang-bidang persekolahan dan pendidikan ugama, ehwal masjid, pengembangan dakwah, perundangan syariah, pemakanan halal, pengutipan dan pengagihan zakat, pengurusan ibadat haji dan umrah, pengurusan

korporat dan pengembangan syiar Islam melalui acara-acaranya yang tertentu, serta bidang-bidang lain yang berkaitan dengan ehwal ugama.

Serentak dengan itu, tentu sahaja kementerian berusaha meningkatkan kapasiti dan profesionalisme pegawai-pegawainya.

Ini sangat penting supaya mereka mampu memberikan perkhidmatan yang selaras dengan piawaian perkhidmatan cemerlang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, kementerian juga berusaha supaya generasi baharu pegawai-pegawainya yang beruntung mendapat pendidikan yang baik akan berupaya mengolah diri mereka untuk dapat berbaur serasi dengan rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Mereka dan rakan-rakan sebaya mereka itu adalah generasi baharu negara ini. Mereka perlu terus menjalin rangkaian kerja, *networking* yang kukuh sebagai satu pasukan yang berperanan sama untuk kebaikan rakyat, negara dan kerajaan di masa hadapan.

Negara kita Brunei ini sangat bertuah kerana di bawah kepimpinan pemerintahan beraja, ehwal ugama diurus tadbir dalam *mainstream* perkhidmatan kerajaan.

Kerana itu pula ajaran ugama telah dapat berkembang dan dihayati sesuai dan serasi dengan iklim politik dan sosiobudaya Brunei.

Hasilnya ialah ugama dapat berfungsi dengan baik menjadi tunjang keutuhan negara.

Dan yang penting diingat bahawa negara selama ini telah menjadikan ugama itu suluh dan pedoman pemerintahan yang baik dan berkesan.

Maka sekali lagi, dalam hubungan ini, saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat pada masa ini dan pada masa akan datang, akan turut memastikan perkhidmatan ehwal ugama sentiasa kukuh dan berkembang sebagaimana semestinya.

Kerana itu dalam kesempatan ini saya mengalu-alukan pandangan dan buah fikiran Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Tambahan pula, Ahli-Ahli Yang Berhormat pada masa ini adalah merupakan satu kombinasi pelbagai latar belakang ilmu dan pengalaman.

Dan seterusnya dalam lantikan yang baharu sekarang terdapat Ahli-Ahli Yang Berhormat yang benar-benar mewakili generasinya pada masa ini.

Saya, secara khusus, percaya bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat dari generasi muda yang baru dilantik akan sama berperanan melakar kaedah-kaedah yang betul dan tepat bagi kesempurnaan masa hadapan Brunei dengan corak dan acuan *impetive* kenegaraannya sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, demokratik bersendikan ajaran Islam Ahli Sunnah Waljamaah.

Sekian.

Dari Sidang
Pengarang.

20 FEBRUARI 2017 BERSAMAAN 1438 جُمَادَى الْأُولَى 23

PANJATKAN RASA SYUKUR

TINGGAL beberapa hari saja lagi negara akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 Tahun namun masihkah kita ingat detik-detik menuju ke arah hari penuh sejarah ini?

Mengimbas kembali Perjanjian Tahun 1979, merujuk sebuah buku bertajuk 'Kemerdekaan, Latar Belakang, Jangkaan dan Harapan' terbitan Jabatan Penerangan, satu perjanjian di antara Brunei dengan United Kingdom telah ditandatangani pada 7 Januari 1979 bertempat di Lapau di Bandar Seri Begawan.

Perjanjian tersebut ialah Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di antara kedua-dua buah negara yang dibuat setelah mempertimbangan : (a) Brunei telah bersetuju mengambil alih semula secara penuh tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka; (b) Kedua-dua pihak berazam hendak meneruskan perhubungan-perhubungan yang lama lagi turun-temurun bagi persahabatan yang rapat dan kerjasama.

Perjanjian tersebut mengandungi enam fasal dan berjalan kuatkuasanya 5 tahun dari tarikh 31 Disember 1978. Berikut daripada Perjanjian itu pertukaran-pertukaran nota telah dibuat antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Menteri Negara bagi Hal-ehwal Luar dan Komanwel, Lord Gorowny Roberts.

Telah dinyatakan dalam penerbitan berkenaan, adalah difahamkan dari Nota Pertama dalam perjanjian berkenaan bahawa pada 1 Januari 1984 yakni 5 tahun dari 31 Disember 1978, semua Perjanjian Perhubungan Yang Istimewa antara United Kingdom dengan Brunei yang mana adalah bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa yang sepenuhnya sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka hendaklah ditamatkan. Inilah menyebabkan orang menggelar Perjanjian Tahun 1979 sebagai perjanjian kemerdekaan.

Taraf atau status Brunei semenjak perjanjian tahun 1888 adalah bertukar dari sebuah negeri yang sebelumnya adalah sepenuhnya merdeka menjadi sebuah negeri naungan Inggeris, tetapi bukan negeri jajahan. Kedudukan dan taraf naungan itu adalah dianggap bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negeri berdaulat lagi merdeka. Maka kedudukan dan taraf naungan yang bertentangan dengan norma antarabangsa itu ditamatkan dan pada 1 Januari 1984 yang mana Brunei mengambil alih semula dengan secara penuh tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Banyak liku dilalui untuk menjadi sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka. Maka adalah sewajarnya kita patut bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinnya jua negara mencapai kemerdekaan dan berupaya berdiri sama tinggi dan setanding dengan negara-negara lain.

Sehubungan itu marilah kita sama-sama hadir ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun yang akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada petang hari Rabu malam Khamis bermula jam 5.45 petang dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan beberapa masjid tumpuan yang lain.

Bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkuring; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Sementara itu, bagi Daerah Belait akan diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Masjid RPN Kampung Pandan dan Masjid Pekan Seria.

Manakala di Daerah Tutong akan diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong dan Daerah Temburong akan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Justeru, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur kerana dikurniakan sebuah negara yang aman, damai, stabil dan harmoni dan berdoa agar negara akan sentiasa kekal sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan.

- Ketua Penyuntingan (Ss).

Ramalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31°C	25°C	31°C
31°C	24°C	31°C
MUKA		
31°C	25°C	31°C
31°C	25°C	32°C
PERDIA DATO HAR		
30°C	24°C	30°C
30°C	24°C	30°C
PERDIA TUTONG		
31°C	25°C	31°C
31°C	25°C	31°C
PERDIA SERIA		
31°C	25°C	31°C
31°C	26°C	32°C
PERDIA BELAIT		
31°C	25°C	31°C
31°C	24°C	31°C
31°C	25°C	31°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	ISNIN	23	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
21	SELASA	24	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	RABU	25	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.44
23	KHAMIS	26	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	JUMAAT	27	5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	SABTU	28	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43
26	AHAD	29	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
TALIAN KECEMASAN			AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123			
							NDMC 2380214			

Resapkan dasar Etika Polis



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis berkenan berangkat ke Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun. Berangkat sama ialah paduka anakanda dan adinda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Pesuruhjaya Polis Kehormat.

Dari muka 1

Dengan adanya ini, Kebawah DYMM percaya akan dapat mengelakkan perkhidmatan lemah, tidak amanah, kurang dipercayai dan mana-mana juga elemen negatif yang dapat memudaratkan organisasi pasukan.

Baginda seterusnya menegaskan agar PDB perlu mempunyai etika kerjanya yang jelas, untuk membolehkan pelaksanaan tugas secara kerja keras, cerdas, ikhlas dan tidak mengharap apa-apa balasan dari pekerjaan yang dilakukan.

Seseorang yang memiliki etika kerja yang sihat titah baginda, mampu untuk bekerjasama secara sihat, tanpa membeza-beza status

sosial dan bangsa, serta pandai menghormati orang lain.

Jika ini dikuatkan, Kebawah DYMM percaya, pasukan pasti akan bertambah kuat dan akan lebih-lebih lagi mendapat kepercayaan daripada masyarakat. Apabila wujud kepercayaan di pihak masyarakat, bererti kerjasama di antara pihak pasukan dan orang ramai, akan lebih mudah terjalin. Ini juga dengan sendirinya menjadi pemangkin kepada perpaduan dan keharmonian yang sebenar-benarnya.

Untuk membantu menjayakan kerja-kerja kepolisian titah baginda, maka komitmen orang ramai memang diperlukan, namun ini bukan bermakna pihak pasukan

hanya tahu menunggu atau terlalu bergantung kepada orang ramai.

"Ini kalau berlaku sudah tentu akan menjadikan pasukan lemah.

Kita tidak mahu pasukan lemah. Jika pasukan lemah, pintu jenayah akan sukar untuk ditutup, dan jika pintu jenayah tidak dapat ditutup, maka jenayah pun mudah berkembang, sementara negara, tidak akan mampu membanterasnya kerana mekanisme keselamatan adalah lemah," tegas baginda seterusnya.

Dengan yang demikian, baginda bertitah menyarankan supaya menguasai teknik dan cara bertindak, terutama cara mencegah dan menyiasat, bukan hanya setakat merekod berapa banyak kes



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan memeriksa perbarisan kontinjen-kontinjen PDB dengan menaiki kenderaan khas.

jenayah, tetapi kurang berhasil menyelesaikannya.

Secara semula jadi titah baginda, jenayah adalah merupakan satu fenomena yang kompleks, ia mesti dibanteras, tidak ada kompromi baginya.

Baginda juga percaya bahawa jenayah bukan saja menjadi ancaman kepada individu, malah juga kepada negara keseluruhannya, kerana itu PDB perlu mempertingkatkan kapasiti dan kapabilitinya, setanding dengan pasukan-pasukan yang cemerlang di dunia.

"Beta ingin mengingatkan,

supaya PDB tidak hanya tahan-tahan di tahap yang ada, tetapi mesti berubah dan mencari jalan ke arah yang lebih baik lagi. Tingkatkan integriti dan kewibawaan dalam perkhidmatan, supaya mampu untuk menangani pelbagai isu dan cabaran," tegas baginda.

Terdahulu, baginda bertitah, PDB kini, telah genap 96 tahun usia penubuhannya dan ini memberi makna PDB telah cukup matang untuk menghadapi apa saja cabaran, terutama dari gelombang globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Perpaduan dan keharmonian mengukuhkan keamanan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - 'Perpaduan dan Keharmonian Mengukuhkan Keamanan' merupakan tema bagi Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017 dalam memberi maksud yang amat mendalam terutama sekali dalam penglibatan semua pihak dalam memerangi dan mencegah jenayah dan mengekalkan keamanan yang kita nikmati pada masa ini.

Perpaduan dan keharmonian dalam konteks ini membawa erti hubungan kerjasama, bersatu hati, saling bantu-membantu dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain.

Mengukuhkan keamanan pula bermaksud mengekalkan suasana kehidupan harian yang tenteram dan selamat, jauh dari anasir-anasir yang boleh mengganggu-gugat kestabilan negara.

Dalam hal ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), agensi-agensi yang berkaitan dan masyarakat mestilah bersatu padu dalam menjalin hubungan kerjasama yang erat dan sama-sama bertanggungjawab dalam usaha membanteras dan mencegah jenayah bagi mengekalkan keamanan di negara ini.

Walaupun pada dasarnya tugas pencegahan dan pembanterasannya jenayah itu merupakan tanggungjawab utama PDB, peranan masyarakat juga adalah sangat penting bagi mengekalkan keamanan.

Orang ramai adalah diibaratkan sebagai mata dan telinga kepada pasukan polis yang boleh beroperasi di segenap kawasan di pelusuk negara dan sebagai seorang rakyat yang cintakan keamanan negara, kita semua berkongsi tanggungjawab dalam melaporkan apa jua jenis jenayah yang berlaku di persekitaran kita dan membantu pasukan polis dalam penyiasatan kes-kes jenayah.

Apabila perpaduan dan keharmonian dicapai ia umpama benteng yang kukuh yang dapat memelihara negara ini dari dimasuki anasir-anasir negatif terutama sekali kegiatan jenayah.

Dari itu, penglibatan semua pihak dalam mencapai suasana kehidupan yang tenteram, harmoni dan saling hormat-menghormati akan setentunya mengukuhkan lagi keamanan dan ketenteraman negara yang dinikmati pada masa ini.

Dalam pada itu juga, tema ini mengharap perpaduan dan keharmonian itu bermula dari dalam pasukan polis itu sendiri dalam sama-sama menanai tanggungjawab yang telah diamanahkan.



KEBAWAH DYMM berkenan memeriksa perbarisan kontinjen-kontinjen PDB.



ANTARA kontinjen PDB yang mengambil bahagian di Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun.

Berkenan berangkat ke DPMM FC - S. League Football Fanfare

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM berkenan berangkat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemain terbaik pada Perlawanan DPMM FC - S. League Football Fanfare 2017 di Stadium Mini Jerudong.

JERUDONG, Ahad, 19 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM berkenan berangkat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Perlawanan DPMM FC - S. League Football Fanfare 2017 di Stadium Mini Jerudong.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Timbalan Pengerusi Brunei DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Pasukan MIB Kids muncul juara perlawanan akhir DPMM FC - S. League Football Fanfare dan sekali gus menumpaskan pasukan PIP 'A' 4 - 3 (penalti) setelah kedua-dua pasukan terikat 1 - 1.

Sementara pasukan Academy Kilanas 'A' dan pasukan Dash Jr masing-masing menyandang tempat ketiga perlawanan tersebut.

Penjaring terbanyak dirangkul oleh Awang Haziq Syakib bin Jamuddin dari pasukan Savilla Jr, manakala pemain terbaik perlawanan itu dinobatkan kepada Awangku Md. Fadhl bin Pengiran Shamsul Adi dari pasukan PIP 'A'.

Sebanyak 12 buah pasukan menyertai perlawanan tersebut terdiri dari wakil sekolah-sekolah rendah, sekolah swasta, skim-skim bola sepak dan kampung.

Mereka terdiri dari pasukan PIP 'B', AAG Jr, ISB Pink Panther, MIB Kids, Academy Kilanas 'A', PMM

Warriors, Dash Jr, Academy Kilanas 'B', PIP 'A', Savilla Jr, Great Zaidana Ft dan BTC Red Star.

Turut menyertai perlawanan itu ialah cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dari pasukan PMM Warriors dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim dari ISB Pink Panther.

Acara tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan Kelab Bola Sepak DPMM dan S. League sebelum bermulanya kempen Liga Singapura 2017 yang dijangka akan berlangsung pada 3 Mac ini menentang Home United FC di Stadium Negara Hassan Bolkiah, Berakas.

Tahun ini, kedua-dua kelab berkenaan bersetuju untuk mengadakan pertandingan bola sepak persahabatan untuk pemain-pemain di bawah 11 tahun yang bertujuan bagi memberi peluang kepada para pemain di peringkat muda untuk beraksi dalam suasana perlawanan walaupun aktiviti tersebut hanyalah perlawanan berbentuk persahabatan.

Perlawanan itu dibahagikan kepada empat kumpulan dan seterusnya bermain dalam liga pusingan manakala dua pasukan teratas setiap kumpulan akan layak memasuki peringkat akhir.

Selain dari perlawanan tersebut, para pemain dan orang ramai juga berpeluang bertemu dengan para pemain Kelab Bola Sepak DPMM Musim 2017 termasuklah jurulatih dan pengurus pasukan.

Pada masa yang sama, mereka juga berpeluang berinteraksi dan mengetahui lebih lanjut perkembangan pasukan tersebut sebelum bermulanya kempen liga musim ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada juara perlawanan akhir DPMM FC - S. League Football Fanfare 2017, iaitu Pasukan MIB Kids.



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dari pasukan PMM Warriors ketika berangkat menyertai perlawanan tersebut.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai Acara Berbasikal Varsiti sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor UBD, UNISSA dan UTB Ke-43 Tahun.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah,
Hamzah Mohidin

TUNGKU LINK, Ahad, 19 Februari. - Acara Berbasikal Varsiti sempena Hari Puja Usia Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam

YTM berangkat sertai Acara Berbasikal Varsiti

Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-43 Tahun telah diadakan pada pagi ini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai ekspedisi berbasikal tersebut yang bermula di Kompaun UTB, di sini.

Turut menyertai, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Ekspedisi berbasikal tersebut juga melibatkan pegawai-pegawai kanan, pensyarah-pensyarah, kakitangan, mahasiswa serta mahasiswi universiti-universiti berkenaan dan orang awam.

Upacara pelepasan para peserta disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)

Kementerian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad.

Para peserta tersebut berbasikal sejauh 43 kilometer melalui Lebuhraya Tungku dan Lebuhraya Sultan Hassan Bolkiah, menuju Bandar Seri Begawan bagi membuat perhentian di Bandarku Ceria,

sebelum berkayuh pulang ke The Core, UBD.

Acara Berbasikal Varsiti itu adalah merupakan ekspedisi berbasikal amal bagi DANA Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim dan dianjurkan oleh UBD dengan kerjasama UNISSA dan UTB.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman ketika bergambar bersama warga Kementerian Pendidikan yang menyertai acara berkenaan.

DPMIM berkenan berangkat saksikan kejohanan renang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Masters dan Terbuka Brunei Ke-2 anjuran Persatuan Renang Amatir Brunei (BASA).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Kejohanan Renang Masters dan Terbuka Brunei Ke-2 anjuran Persatuan Renang Amatir Brunei (BASA) diadakan petang tadi di Kolam Renang, Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB), di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan kejohanan tersebut.

Turut berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia,


iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Berangkat menyertai kejohanan pada hari kedua berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim mewakili ISB Hammerheads berjaya mencatat rekod baharu dalam Acara Individu Medley 100 Meter dengan catatan masa 1 minit 47.68 saat.

YTM juga menyertai Acara Gaya Bebas 50M dengan mencatat masa 39.16 saat.

Kejohanan renang yang berlangsung selama dua hari tersebut berakhir hari ini.



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berangkat menyertai kejohanan tersebut (kanan).

YTM baharui rekod peribadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mencatat rekod peribadi terbaik dalam Acara 100 Meter Kuak Lentang dengan masa 1 minit 56.51 saat pada Kejohanan Renang Masters dan Terbuka Brunei Ke-2 yang diadakan di Kolam Renang Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim mewakili ISB Hammerheads membaharui rekod lamanya yang mencatat 1 minit 57.05 saat bagi acara yang sama.

YTM juga menyertai dalam Acara Lelaki 100M Gaya Bebas dengan mencatat masa 1 minit 31.68 saat dan bagi Acara Kuak Kupu-Kupu 50M mencatat 52.80 saat.

Berita dan Foto : Ihsan Borneo Bulletin

Perenang remaja kebangsaan Brunei, Nur Haziq Samil antara pemenang utama dalam acara tersebut dengan memenangi tempat pertama 400M Gaya Bebas dan 200M Individu Medley.

Para perenang Kelab Renang Speed Brunei tidak berupaya menyaingi rekod terbaiknya tetapi hanya berpuas hati dengan memenangi dalam Acara Gaya Bebas dengan masa 4 minit 27.64 saat dan dalam Individu Medley dengan masa 2 minit 23.43 saat.

Noah Kruger dari ISB Hammerheads memenangi salah satu acara utama kejohanan dengan catatan masa 36.80 saat bagi Acara 50M Kuak Dada sambil memecah rekod

lamanya 40.77 saat.

Perenang berbakat, Fatin Farahnir Mohd. Faizal dari Kelab Rekreasi Petroleum juga berjaya membaharui rekod baharu bagi Acara 50M Kuak Dada Wanita dengan masa 42.01 saat, rekod lamanya 43.35 saat.

Beliau yang berusia 15 tahun juga memenangi Acara 400M Gaya Bebas dengan masa 5 minit 20.86 saat sambil memecah rekod lamanya 5 minit 25.30 saat dan begitu juga bagi Sherya Pradhan bagi Acara 200M Kuak Kupu-Kupu dengan masa 3 minit 11.31 saat, di mana rekod lamanya 3 minit 17.25 saat.

Kejohanan dua hari tersebut dianjurkan oleh Persatuan Renang Amatir Brunei (BASA).



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berangkat menyertai Kejohanan Renang Masters dan Terbuka Brunei Ke-2 yang diadakan di Kolam Renang Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

YTM berangkat ke majlis kesyukuran



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-43 Tahun.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 18 Februari. - Yayasan Sultan
Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB)

selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-43 Tahun.

Berangkat pada majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin

Haji Mohiddin.

Kemudian diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bertahlil beramai-ramai dan seterusnya bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-43 Tahun.

Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Menjunjung keberangkatan tiba YTM ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan juga selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir dan menjunjung keberangkatan YTM, ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff, selaku Timbalan Pengerusi I Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, selaku Timbalan Pengerusi II Lembaga Pengarah YSHHB.

Juga hadir sama pada majlis tersebut, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Timbalan Pengerusi II Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA, para jemputan khas di antaranya adalah sebahagian daripada para penyumbang tetap DANA, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta para penduduk sekitarnya.

Acara dimulakan dengan bacaan

Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Anuar bin Haji Salim diikuti dengan Doa Kesyukuran serta Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim (dua, kiri) semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM Ke-43 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-43 Tahun.

Majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM itu dihadiri oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua),

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Juga hadir, Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para pegawai



PEGAWAI dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah JPM yang hadir semasa majlis tersebut.

Program Bandarku Ceria terus menyerlah



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Hai Apong semasa menyaksikan lebih dekat lagi para penjaja berniaga semasa Bandarku Ceria.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Program 'Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta' yang diadakan setiap hari Ahad di harap dapat menghidupkan lagi suasana Bandar Seri Begawan dan memberi peluang kepada rakyat serta penduduk untuk beriadah sambil menikmati suasana pagi.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan keutamaan yang tinggi terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Justeru itu, usaha-usaha terus dipertingkatkan bagi memastikan

persekitaran tempat di mana kita tinggal, bekerja dan beriadah adalah selamat, menyenangkan dan *vibrant*, selaras dengan Wawasan Brunei 2035, di mana Negara Brunei Darussalam akan mencapai kualiti kehidupan yang tinggi.

Turut memeriahkan Program Bandarku Ceria yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar dan Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali.

Dayang Marhaini binti Haji Ramli dari Kampung Katok 'B', penjual makanan dan baju berkata, sambutan orang ramai untuk sama-sama memeriahkan Program Bandarku Ceria adalah sangat menggalakkan.

"Program seumpama ini adalah sangat bagus bagi ahli keluarga untuk meluangkan masa untuk beriadah bersama. Selain itu, ianya memberikan peluang untuk peniaga kecil-kecilan seperti kami untuk memajukan lagi perniagaan," ujarnya.

Hasil dari jualan jelasnya, amat membanggakan sekali kerana

sembutan yang begitu menggalakkan sekali dan di harap akan berterusan buat selamanya.

Manakala bagi Dayang Hajah Yushani binti Haji Mohd. Yusof dari Dapur YUZA berkata, pervertaan setiap hari Ahad untuk berniaga amat bagus dan begitu banyak sambutan dari orang ramai.

Alhamdulillah sambutan orang ramai setakat ini sangat menggalakkan. Ini merupakan satu peluang keemasan yang harus kami raih untuk memperkenalkan lagi produk makanan yang sudah terkenal kepada orang ramai seperti karpap.

Program ini juga jelasnya, selain dapat beriadah, akan dapat lagi mengeratkan silaturahim sesama insan.



DAYANG Marhaini binti Haji Ramli semasa ditemu bual.



DAYANG Hajah Yusnani binti Haji Mohd. Yusof semasa ditemu bual.

Peserta PBCTA berarak megah di Bandarku Ceria

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Dalam menyemai semangat patriotism para belia dan menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 bagi Tahun 2017, Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Ke-12 meneruskan aktiviti mereka dengan acara Perarakan Belia Cinta Tanah Air di ibu negara.

Ianya sebagai satu inisiatif bagi menyokong projek Bandarku Ceria yang diadakan pada setiap hari Ahad.

Seramai 42 peserta PBCTA dari keempat-empat daerah terlibat dalam perarakan tersebut dan sebanyak 33

bendera Negara Brunei Darussalam telah dibawah berarak megah.

Perarakan bermula di kawasan Lapau, Jabatan Adat Istiadat Negara dan bergerak ke Jalan Pretty, Jalan Elizabeth dan balik semula ke kawasan Lapau.

Di samping acara perarakan, mereka juga telah mengagihkan sebanyak 100 bendera kecil kepada orang ramai.

PBCTA merupakan anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ia dijalankan dalam beberapa aktiviti seperti menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar



SERAMAI 42 peserta PBCTA dari keempat-empat daerah menyertai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bersempena Bandarku Ceria.

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, kerja-kerja

kemasyarakatan, Perkampungan PBCTA, menyertai Majlis Kesyukuran dan Perbarisan Lalu sempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 dan Majlis Penghargaan PBCTA.

Sementara itu, seramai 42 peserta belia, iaitu 25 lelaki dan 17 perempuan berumur antara 18 hingga 30 tahun dari keempat-empat daerah menyertai program berkenaan dimana 21 daripadanya dari Daerah Brunei dan Muara, tiga dari Daerah Tutong, 10 dari Daerah Belait dan lapan dari Daerah Temburong.

Objektif PBCTA adalah untuk mengadakan aktiviti kenegaraan ke arah meningkatkan lagi semangat patriotik para belia di samping menyuntik semangat para belia untuk bergiat aktif dalam mengikuti apa jua aktiviti yang bersifat kepimpinan, kesukarelawan serta pembangunan belia selain untuk menyemarakkan semangat setia kawan, gotong-royong dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain.



PESERTA PBCTA mengagihkan bendera kecil kepada peniaga semasa Bandarku Ceria.



SALAH seorang peserta PBCTA semasa mengagihkan bendera kecil kepada orang awam.

KHEDN melaksanakan tiga KPI di bawah Strategi Pembangunan Institusi



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) semasa menyampaikan ucapan semasa Sesi Muzakarah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dari muka 1

Sehubungan dengan KPI ini, jelas Yang Berhormat, beberapa strategi dan inisiatif yang berimpak tinggi telah dirancang berasaskan konsep 'Whole of Nation Approach' di mana strategi ini bukan hanya diusahakan oleh KHEDN akan tetapi juga ditangani bersama dengan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta yang berkepentingan.

Terdahulu Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa teras utama skop kerja dan tanggungjawab KHEDN adalah merangkumi Keselamatan, Kesejahteraan, Sosio Ekonomi dan Perpaduan Masyarakat.

Dalam memantapkan dan meningkatkan lagi pelaksanaan tanggungjawab tersebut tambahnya, KHEDN telah pun membuat penelitian semula Pelan Strategik yang terdahulu dengan mengambil kira pelbagai senario dan cabaran yang dihadapi masa kini, termasuklah pertumbuhan

ekonomi global yang perlahan, keadaan geopolitik yang sukar diramal, globalisasi dan aspek keselamatan serantau dan antarabangsa.

Penelitian Pelan Strategik tersebut jelasnya, masih diteruskan selaras dengan ketiga fokus utama yang telah disebutkan ke arah mengenal pasti faktor-faktor strategik secara komprehensif dan holistik.

Jelas Yang Berhormat lagi, dari proses itu ianya membolehkan kementerian tersebut membuat penilaian ke atas program, inisiatif, perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada bagi ditingkatkan dan juga inisiatif-inisiatif baharu untuk diusahakan.

Dalam membuat penelitian, rancangan dan inisiatif ujarnya, ia sentiasa diselaras dan disejajarkan dengan aspirasi Wawasan 2035 khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa KHEDN

akan terus memberikan sumbangan selaku ahli kepada peneraju-peneraju strategi wawasan yang diterajui oleh kementerian-kementerian yang lain.

"Proses penelitian Pelan Strategi KHEDN juga melibatkan rangka perundangan yang membabitkan pelaksanaan skop kerja dan tanggungjawab kementerian yang pada masa ini merangkumi lebih 60 akta dan perintah.

"Mengambil kira perubahan keadaan semasa, akta dan perintah ini secara berterusan sedang diteliti bagi membuat apa jua pindaan, perubahan dan tambahan peruntukan perundangan yang bersesuaian, selari dengan perkembangan semasa," ujarnya.

Beberapa perundangan baharu yang dikenal pasti dan diperlukan tambah Yang Berhormat, juga sedang diusahakan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tidak dinafikan di dalam pelaksanaan skop kerja kementerian

ini, terdapat pelbagai cabaran-cabaran utama yang perlu ditangani. Antaranya, adalah cabaran bagi memastikan kaedah dan prosedur penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai akan sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan mesra pelanggan, sentiasa cekap dan memenuhi matlamat perkhidmatan berkenaan selaras dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai.

Sebagai contoh katanya, bagi mewujudkan suasana perniagaan yang *pro-business* dan mesra perniagaan (*business friendly*) di negara ini, kementeriannya telah membuat perubahan dan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan sejak tahun 2015 demi untuk memastikan iklim perniagaan akan sentiasa menggalakkan dan memberangsangkan.

Lanjutan dari usaha-usaha awal dalam memudah cara proses memulakan perniagaan itu jelas Yang Berhormat lagi, langkah ini didukung dengan pembaharuan proses pengeluaran Lesen Pekerja Asing (LPA) oleh Jabatan Buruh.

Proses baharu itu, melibatkan penggabungan permohonan kuota pekerja asing dan sokongan pas kerja, dengan kaedah ini kedua permohonan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, efisien dan teratur.

Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai peranan dan tanggungjawab KHEDN yang sebahagiannya juga dipikul oleh institusi penghulu dan ketua kampung, iaitu institusi akar umbi.

Oleh itu, KHEDN menghargai peranan penghulu dan ketua kampung dalam sama-sama memelihara keamanan dan

kesejahteraan, dan seterusnya usaha meningkatkan kegiatan sosial-ekonomi menerusi program Satu Kampung Satu Produk.

"Kita menyedari masih banyak ruang yang perlu untuk dipertingkatkan khasnya dalam menembusi pasaran tempatan dan serantau, membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf ekonomi," ujar Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menurut Yang Berhormat, kerjasama yang sedang diusahakan dengan beberapa agensi dan institusi pengajian tinggi diharap dapat membantu memajukan sektor ini.

Yang Berhormat seterusnya menambah, penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) adalah merupakan satu wacana atau platform bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta memupuk dan memelihara perpaduan masyarakat dengan penglibatan pemimpin akar umbi (*grassroot leaders*).

Dalam hubungan ini, KHEDN jelas Yang Berhormat mengharapkan penglibatan lebih aktif golongan belia dan generasi muda memacu aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan di mukim dan kampung dan menjadikannya lebih relevan, berdaya saing dan *connected*.

Penglibatan aktif golongan belia dan generasi muda dalam kepimpinan MPMK katanya, adalah amat mustahak dalam usaha menyediakan bakal pemimpin akar umbi masa depan.

Menurutnya, MPMK sewajarnya perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa mereka ini ke dalam organisasi mukim dan kampung.

Muzakarah wujudkan persefahaman dan permuafakatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Dilantik telah mengadakan lawatan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi Sesi Muzakarah dan bertukar-tukar pandangan.

Sesi Muzakarah tersebut dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Manakala rombongan Yang

Berhormat Ahli-Ahli MMN diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Sesi Muzakarah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Taklimat mengenai KHEDN disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, dan pegawai-pegawai kanan KHEDN.

Taklimat antara lain mengongsikan peranan utama kementerian tersebut dengan visi, misi serta struktur yang diatur menjurus ke arah menjayakan Wawasan 2035.

Sesi Muzakarah ini juga adalah wadah perkongsian wawasan, hasrat

dan aspirasi bersama menggarap kepentingan, nilai faedah bagi Negara Brunei Darussalam dan rakyat serta penduduk yang bernaung di bawah daulat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perjumpaan ini juga merupakan cermin persefahaman, permuafakatan dan hubungan kerjasama yang mantap antara pihak kerajaan dengan rakyat dan penduduk di negara ini dan antara KHEDN, jabatan-jabatan daerah dan jabatan-jabatan di

kementerian ini dan juga Ahli-ahli MMN yang sentiasa terjalin erat dan mesra.

Perbincangan yang diadakan dalam suasana silaturahmi, muhibah dan secara terbuka ini adalah bagi berkongsi idea, maklumat, isu, pandangan dan cadangan yang boleh diangkat ke Dewan MMN nanti untuk dijadikan wacana permuzakarah yang bermanfaat bagi kemajuan dan keamanan negara serta kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong bergambar ramai bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Permesyuaratan asas penting dalam teori pemerintahan Islam



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (kanan) menyampaikan buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Ahli Sunnah Waljamaah kepada Yang Di-Pertua Penuntut Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Kaherah bagi simpanan koleksi perpustakaan badan persatuan tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

KAHERAH, REPUBLIK ARAB MESIR, Sabtu, 18 Februari. - Negara Brunei Darussalam yang berdaulat dan merdeka serta akan kekal selamanya dengan Melayu Islam Berajanya itu adalah negara yang menjunjung dasar-dasar demokrasi dan demokratiknya itu, jelas Yang Berhormat ialah demokratik bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, sebagaimana jelas terkandung dalam Titah Permaisuri Permaisuri Kemerdekaan.

Perkara tersebut ditegaskan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, ketika menyampaikan Ceramah Khas semasa Majlis Ramah Mesra beliau dengan pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir.

Majlis Ramah Mesra berlangsung di Hotel Intercontinental Citystars, Kaherah pada lewat petang hari ini.

Dalam ceramah khas tersebut, Yang Berhormat telah menghuraikan signifikan Asy-Syura, iaitu permesyuaratan sebagai asas terpenting dalam teori pemerintahan

Islam. Umat Islam adalah di seru supaya mengurus hal ehwal kehidupan mereka secara berunding, bermuzakarah dan bermesyuarat.

Perlembagaan Brunei, jelas Yang Berhormat, mensyaratkan penubuhan Majlis-Majlis Mesyuarat, iaitu Majlis Mesyuarat Adat Istiadat, Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri dan Majlis Mesyuarat Negara. Selain itu terdapat juga Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Majlis Ugama Islam.

Menurut Yang Berhormat, Majlis-Majlis Mesyuarat berkenaan itu pada keseluruhannya adalah bersifat Isytisari atau Konsultasi, yang akan menyampaikan nasihat berupa ketetapan-ketetapan yang diambil ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan, yang mana tertakluk kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sama ada memperkenankannya atau sebaliknya.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa perkara itu adalah tidak berlawanan dengan syarak kerana Asy-Syura yang dituntut ke atas umat Islam melaksanakannya, terutama dalam pemerintahan itu, ada memberikan kuasa pemutus kepada al-Imam, iaitu kepala negara dan ketua kerajaan, menurut mafhum firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 159.

Hadir sama ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Haji Abd. Kahar

bin Haji Hussin; Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, pegawai-pegawai Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Kaherah dan seramai 227 pelajar Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir.

Tuan Yang Terutama Haji Abd. Kahar bin Haji Hussin dalam ucapan aluannya menyambut baik kehadiran Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama beramah mesra dan seterusnya menyampaikan ceramah khas kepada pelajar-pelajar.

Menurut TYT, ia setentunya akan menyuntik semangat dan motivasi pelajar-pelajar agar berusaha dengan lebih gigih lagi bagi mencapai kecemerlangan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa bergambar kenangan bersama sebahagian daripada pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir.

Golongan belia diseru sertai kursus penyempurnaan jenazah



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman (dua, kiri) semasa hadir pada Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup Penyempurnaan Jenazah bagi Lelaki anjuran bersama Biro Keagamaan, MPK RPN Kampung Panchor, Mengkubau dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Mentiri.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

MENTIRI, Ahad, 19 Februari. - Penyempurnaan jenazah apabila berlakunya kematian di dalam sebuah kampung adalah merupakan Fardu Kifayah seperti yang disyariatkan dalam Islam.

Justeru itu, para peserta Kursus Penyempurnaan Jenazah diseru menjadikan segala ilmu yang ditunjuk ajar agar dijadikan panduan dalam urusan menyempurnakan jenazah.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman menyatakan demikian pada Majlis Penutup kursus berkenaan dan

seterusnya menyampaikan sijil kepada 65 peserta lelaki.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga menyeru para belia dan beliawanis khususnya di kampung itu dan kawasan sekitarnya agar dapat menyertai kursus seumpama itu memandangkan mereka merupakan generasi pelapis dan aset berguna bagi pembangunan negara.

"Saya juga berharap agar kursus seumpama ini akan dapat dilartakan di masa-masa akan datang dan dijadikan sebagai kegiatan tahunan khususnya bagi Biro Keagamaan MPK RPN Kampung Panchor, Mengkubau", kata Yang Berhormat pada majlis

yang berlangsung di Masjid RPN Mentiri, di sini.

Salah seorang pengawas acara kursus berkenaan, Awang Louay Staddiee Haddaq bin Abdul Gafur ketika ditemui berkata, program tersebut diadakan antara lain bagi meningkatkan dan memberi kefahaman tentang tatacara pengurusan jenazah menurut agama Islam.

Memandangkan sambutan program yang begitu menggalakkan tambahannya, pihak penyelenggara akan merancang untuk berkolaborasi bersama pihak tertentu dalam menjadikannya sebagai aktiviti tahunan dan akan melibatkan ramai lagi penyertaan khususnya para belia masjid.

Manakala, Awangku Mohd. Hanafi bin Pengiran Haji Mohd. Hallid, 17, dari RPN Kampung Panchor,

Mengkubau melahirkan hasratnya untuk menyertai kursus seumpama



AWANGKU Mohd. Hanafi bin Pengiran Haji Mohd. Hallid, 17, dari RPN Kampung Panchor, Mengkubau semasa ditemu bual.

itu di masa akan datang bagi menambahkan lagi pengetahuan dalam kursus Fardu Kifayah dan ingin mempraktikkannya secara realiti.

Beliau juga menyeru para golongan muda untuk berani tampilkan diri untuk sama-sama mengikuti kursus bagi persediaan pada akan datang.

Perisian kursus anjuran bersama Biro Keagamaan, MPK RPN Kampung Panchor, Mengkubau dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Mentiri itu antaranya adalah penerangan mengenai pengurusan jenazah yang sempurna selain merangkumi panduan asas cara memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan serta pengebumian jenazah.



AWANG Louay Staddiee Haddaq bin Abdul Gafur ketika ditemu bual.

Hospital PMMPMHAMB adakan majlis doa kesyukuran

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (lima, kiri) menyertai para jemaah menunaikan Solat Hajat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

TUTONG, Ahad, 19 Februari. - Majlis-majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-43 Tahun terus diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), turut mengadakan majlis berkenaan di Surau As-Salam, hospital berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Majlis didahului dengan Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan seterusnya bacaan

doa khas sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-43 Tahun sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Asar.

Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar berjemaah serta bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Ketua Guru Ugama hospital tersebut, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah.

Manakala doa khas dibacakan oleh Ketua Guru Ugama, Pejabat Kesihatan Tutong, Awang Haji Yazid bin Haji Rosli Aziz.

Turut hadir, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Fungsi, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan serta pegawai dan kakitangan hospital berkenaan.

Zikir pemangkin kesihatan

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

Yusuf serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Awang Haji Harun bin Haji Junid.

'Bukti Saintifik : Zikir Pemangkin Kesihatan' merupakan tajuk bagi sesi tazkirah pagi yang disampaikan oleh Da'ie dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ali Hassan bin Mohd. Said.

"Dengan berzikir akan mendapat nikmat ketenangan dan kesembuhan sesuai dengan firman Allah dalam surah Ar-Ra'd yang bermaksud : Hanya Dengan Mengingat Allah Hati Menjadi Tenang," ujar Awang Ali Hassan.

Menurut beliau, kesan terapi suara dapat merangsang minda lebih-lebih lagi amalan berkenaan telah diamalkan oleh umat islam semasa mengerjakan

tuntutan seharian seperti sembahyang, membaca Al-Quran, doa, berselawat, bertasbeih dan seumpamanya.

"Pengaruh terapi suara ini telah terbukti bilamana ia dikaji dan diguna pakai ke atas pesakit dinegara barat," tambah Awang Ali Hassan lagi.

Turut sama menyertai program tersebut ialah peserta-peserta Program Pemantapan Belia Muallaf anjuran Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama seramai 32 orang.

Sesungguhnya dengan menghidupkan rumah Allah dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat islam dalam melaksanakan amal ibadat.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kiri) semasa hadir pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Masjid merupakan rumah Allah dan menghidupkan diri ke masjid bagi mengerjakan ibadah-ibadah fardu setentunya akan memperolehi banyak kelebihan.

Dalam sama-sama mengimarahkan

lagi masjid, Program Masjidku Makmur Negara Berkat diteruskan lagi dengan sesi tazkirah selepas Sembahyang Fardu Subuh berjemaah di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Antara yang turut hadir ialah

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan isteri; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji

Hindari terjebak ideologi sesat

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Belia-belia muallaf diingatkan agar menghindari dan mengelakkan perkara-perkara seperti terjebak dengan ideologi yang menyesatkan dan boleh mengancam keselamatan negara; terpengaruh dengan aliran pemikiran liberal yang hanya berpaut kepada logik dan akal semata-mata.

Dalam pada itu mereka juga diingatkan supaya tidak terperangkap dalam perbahasan agama secara terbuka di media-media sosial kerana kepelbagaian pemikiran yang tidak terkendali dan boleh mengakibatkan kekeliruan dan kekeliruan dan akhirnya boleh membawa kepada kesesatan dan permusuhan sesama sendiri dan pecah belah serta menjadikan kita orang-orang yang lemah di samping jangan mudah terpedaya dengan ulama yang tidak muktabar.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff mengingatkan perkara itu pada Majlis Penutupan Rasmi Program Pemantapan Belia Muallaf 2017 (PPBM 2017) di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Oleh yang demikian, Dato Seri Setia menyeru kepada belia-belia muallaf agar sentiasa berhati-hati dan merujuk

kepada kitab-kitab yang muktabar dan sahih di samping bertanya kepada guru-guru yang ada di PDI.

"Tanamkan lah dalam diri kita bahawa tujuan dakwah untuk membawa kebaikan, keamanan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat bukan untuk mencari nama dan mengumpukan masyarakat dengan kata-kata yang mengelirukan dan menyesatkan," ujarinya selaku tetamu kehormat.

Terdahulu dalam ucapannya, Dato Seri Setia berkata, Gerakan Dakwah Islamiah ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala merupakan satu tugas suci yang menjadi tanggungjawab setiap orang Islam, kerana ia bukan tugas individu atau organisasi tertentu, ia bukan tugas PDI semata-mata, ia tugas kita semua.

Dato Seri Setia seterusnya berkata, perjalanan para peserta program masih jauh untuk mencapai kecemerlangan di dunia dan di akhirat.

Seramai 31 orang peserta, iaitu 16 peserta lelaki dan 15 peserta perempuan menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

PPBM 2017 diadakan selama tiga hari dua malam yang bermula 17 Februari lalu hingga hari ini yang mana ianya merupakan sebuah program yang dianjurkan buat julung kalinya di bawah naungan PDI sebagai langkah

memulakan satu wadah untuk mengumpulkan belia-belia muallaf untuk berkenalan dan beraktivitas bersama-sama.

Untuk program ini, satu jawatan-kuasa kerja terdiri daripada belia-belia muallaf yang diberi nama As-Syahadah telah dilantik untuk mengendalikan program ini.

Program tersebut pada tahun ini membawa tema From Syahadah to Happiness dengan objektif untuk menghidupkan semula perasaan manis yang dirasakan ketika para peserta muallaf memulakan langkah menetapkan keyakinan dan kepercayaan hati untuk memeluk aqidah Islam yang telah dipilih, juga menghidupkan rasa syukur ke hadirat Ilahi atas hidayah yang singgah sebagai anugerah tertinggi pada diri mereka.

Pada masa yang sama, tema program ini juga disusun untuk membawa Syahadah yang digenggam erat kepada perasaan izzah, iaitu rasa berbangga, juga rasa cinta yang mendalam kepada agama Islam, Allah dan Rasul-Nya dan seterusnya menghidupkan cita-cita yang paling tertinggi untuk setiap Muslim, iaitu kebahagiaan hakiki Jannah dan Rahmat Ilahi.

Kuliah-kuliah yang disampaikan oleh ustaz dan ustazah dari PDI sendiri dan aktiviti-aktiviti berkumpulan yang disusun antaranya Explorace, Persembahan Malam Kesenian, aktiviti-aktiviti lasak yang telah diadakan di Taman Menteri Besar dan lain-lain lagi.

Antara objektif program diadakan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff (kanan) menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta lelaki pada Program Pemantapan Belia Muallaf 2017 anjuran PDI.

bagi mengumpulkan belia-belia muallaf untuk mengenal pasti individu-individu yang berpotensi untuk diangkat menjadi penggerak dan ahli; memotivasikan para belia muallaf supaya sentiasa proaktif untuk mempelajari dan mengamalkan ajaran Islam yang syumul dan menyeluruh; merapatkan ukhuwah dalam kalangan para belia muallaf agar dapat menjadi support system di dalam mengharungi kehidupan sehari-hari sebagai seorang Muslim dan melahirkan belia muallaf contoh yang berjaya kepada yang lain bukan sahaja dari sisi agama bahkan ekonomi dan segala aspek kehidupan keseluruhannya.

Sementara itu, pemenang berkumpulan keseluruhan bagi peserta lelaki ialah Kumpulan Umar yang diketuai oleh Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi manakala peserta perempuan ialah

Kumpulan Ya Baari' yang diketuai oleh Dayang Nurfashihah Amirah binti Abdullah Chua.

Ketika ditemui oleh Pelita Brunei, Dayang Mariah Nurlin binti Abdul Rahim yang merupakan salah seorang peserta program menjelaskan, bermacam-macam aktiviti diadakan yang memberi pengajaran dan ia dihubungkan dengan Islam di samping berkongsi ilmu bersama para peserta yang lain.

Menurutnya, mereka dapat menghalusi lagi ajaran mengenai Islam dimana dengan adanya semangat yang berkobar-kobar ini membuatkan mereka tidak mahu berhenti dari mendalami ilmu tentang Islam.

Beliau berharap, program ini akan diteruskan pada masa akan datang agar para belia muallaf yang belum menyertai program ini akan dapat ikut serta.

Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 26 Februari ini



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa memberi penerangan mengenai Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Riadah Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 yang akan diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun bertujuan ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan perpaduan menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus kepada pengujuduan warga sihat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat bercemar duli menyertai Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar

'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad, 26 Februari 2017.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Majlis pada Sidang Media Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 yang diadakan petang tadi bertempat di Dewan Citra Budaya, Bangunan KKBS, di sini.

Riadah Berbasikal Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 jelasnya lagi, merupakan acara yang dianjurkan oleh KKBS bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kesihatan dan keterlibatan semua kementerian-

kementerian yang lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, selain sebagai nilai tambah kepada program Bandarku Ceria yang diadakan pada setiap hari Ahad sejak Oktober tahun lalu.

Tambahnya lagi, riadah tersebut akan mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 16 kilometer dan akan melintasi beberapa jalan-jalan utama antaranya Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Jalan Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Pusing Keliling Jalan Utama Berakas / Muara, Jalan Tasek, Jalan Kianggeh dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Ke arah itu, KKBS mengajak orang ramai untuk hadir beramai-ramai bagi memeriahkan lagi acara berkenaan yang akan bermula pada pukul 7.00 pagi dan penyertaan adalah percuma

**Oleh : Khartini Hamir, Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Azmah Haji Ahad**

bagi semua peringkat umur, namun orang ramai adalah dinasihatkan untuk datang lebih awal bagi kelancaran pelepasan kayuhan.

"Di acara itu nanti terdapat beberapa persembahan menarik antaranya persembahan basikal lama (basikal klasik) dan kemahiran berbasikal (flexi) yang akan ditunjukkan pada hari tersebut itu nanti," jelas Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy.

Menurut beliau lagi, KKBS dalam pada itu akan terus-menerus mengusahakan projek-projek sukan untuk masyarakat dan kali ini ujarnya, KKBS akan melihat respons orang ramai terutama memupuk gaya hidup sihat melalui aktiviti berbasikal untuk

dibudayakan sekali gus menghidupkan sukan berbasikal di negara ini dan menambahkan keceriaan ibu kota pada hujung minggu.

Hadir sama di sidang media itu tadi ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed serta beberapa wakil dari agensi yang berkenaan, iaitu Ketua Penguatkuasa dan Operasi Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), DSP Mohd. Fathdillah bin Haji Hamid; Paramedik, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zul Azmi bin Haji Abd. Manan dan Awang Omarali bin Haji Ibrahim wakil dari Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy (tengah) bergambar ramai bersama para wakil yang akan terlibat pada Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan.

Peserta dinasihatkan sentiasa menjaga keselamatan



KETUA Penguatkuasa dan Operasi Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas, DSP Mohd. Fathdillah bin Haji Hamid.



WAKIL Paramedik dari Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zul Azmi bin Haji Abd. Manan.



AWANG Omarali bin Haji Ibrahim wakil dari Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) memaklumkan kepada orang ramai terhadap jalan-jalan yang akan dikawal selia di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan dalam sama-sama menjayakan acara Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Sebagai peringatan bersama, jalan-jalan akan mula ditutup bermula dari jam 6.00 pagi sehingga acara selesai dan berikut adalah jalan-jalan utama yang akan dikawal selia menjelang berlangsungnya acara tersebut, iaitu Kawasan Lampu Isyarat Jalan Haji Basir (hadapan Bangunan Bomba) dan sepanjang Jalan Lampu Isyarat Taman Jubli, kawasan Lampu Isyarat Jalan Kumbang Pasang, iaitu berdekatan dengan STPRI sehingga ke Jalan Masuk ke Sekolah St.

Georges, Simpang Lampu Isyarat Jalan Ong Sum Ping, Jalan Menteri Besar menghala ke Pusing Keliling, Jalan Airport Lama menghala ke Jalan Menteri Besar, Simpang Lampu Isyarat Jalan Pertahanan, kawasan Lampu Isyarat Jalan Residency / Jalan Mc Arthur dan Simpang Jalan Stadium dan Jalan Persidangan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Penguatkuasa dan Operasi Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), DSP Mohd. Fathdillah bin Haji Hamid pada Sidang Media Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 yang diadakan di Dewan Citra Budaya, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jelasnya lagi, antara tempat letak-letak kereta yang perlu dikosongkan awal sehari sebelum acara bermula ialah Jalan Tasek; Jalan Kianggeh, Jalan Mc Arthur,

sepanjang Jalan Sultan Omar Ali Saifuddin, sepanjang Jalan Stoney, sepanjang Jalan Haji Basir, sepanjang Jalan Kumbang Pasang, sepanjang Jalan Stadium, sepanjang Jalan Pasir Berakas dan sepanjang Jalan Delima.

"Ini adalah kerana jalan-jalan tersebut akan bakal digunakan untuk laluan acara tersebut," terangnya.

Sehubungan itu, adalah ingatkan bahawa pihak PDB akan mengambil tindakan dengan memindah mana-mana kenderaan yang didapati diletakkan pada tempat-tempat yang disebutkan tadi, iaitu pada malam 25 Februari nanti.

Sebagai rumusan tambahannya, pihak PDB sekali lagi mengingatkan kepada orang ramai bahawa pengawal seliaan jalan menuju ke Bandar Seri Begawan pada 26 Februari nanti akan bermula pada jam 6.00 pagi, oleh itu orang

ramai bolehlah meletakkan kenderaan mereka di Taman Jubli, Stadium Hassanal Bolkiah; Jalan Residency; Jalan Menteri Besar dan Jalan Jalan Kianggeh (terhad).

Tegasnya, pihak PDB juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada mereka yang meletakkan kenderaan di tempat yang ditegah semasa acara berlangsung dan orang ramai juga dinasihatkan untuk menggunakan jalan-jalan alternatif jika perlu untuk melalui Bandar Seri Begawan seperti, Jalan Lebuhraya Hasanah Bolkiah, Jalan Tutong hala Jalan Lama Muara, Jalan Kumbang Pasang hala Jalan Menteri Besar / Jalan Sungai Akar; dan Jalan Gadong.

PDB juga mengingatkan kepada orang ramai khususnya para pemandu dan pengguna jalan raya untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya, bersopan santun dan berbudi bahasa sesama pengguna jalan raya yang lain, elakkan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, sentiasa menggunakan tali pinggang keselamatan semasa memandu, sentiasa memastikan kenderaan biskita selamat untuk dipandu, sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas dan untuk meningkatkan kewaspadaan semasa memandu terutama semasa hujan.

"Jalan raya bukanlah tempat untuk kita berlumba-lumba dan memandu tanpa menghiraukan pengguna jalan raya yang lain," tegas beliau lagi.

Seterusnya wakil Paramedik dari Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zul Azmi bin Haji Abd. Manan mengingatkan kepada orang ramai mahupun para peserta untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dengan memastikan keadaan diri sihat

untuk menyertai acara riadah berkenaan selain perlu mendapatkan rehat yang cukup sebelum acara berlangsung, makan sarapan pagi bagi menambah tenaga, di samping turut menggalakkan untuk minum air dengan banyak bagi mengelakkan dehidrasi yang teruk semasa acara berlangsung.

Sementara Awang Omarali bin Haji Ibrahim wakil dari Persekutuan Basikal Brunei Darussalam menjelaskan bahawa pada acara itu nanti akan disediakan dua *water station* terletak di kawasan mula dan tamat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan di persimpangan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Selain itu, para peserta adalah dinasihatkan untuk mengenakan pakaian yang sesuai dan menggunakan helmet bagi keselamatan para peserta itu sendiri memandangkan dianggarkan jumlah peserta yang akan menyertai acara berkenaan adalah seramai 1,000 atau lebih, maka penggunaan pakaian dan *safety gear* yang bersesuaian adalah disarankan bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini terjadi.

"Namun para ibu bapa juga dinasihatkan untuk sentiasa menjaga keselamatan, kewaspadaan dan keberadaan anak-anak abiskita yang menyertai acara kayuhan itu nanti terutama bagi anak-anak yang berumur di bawah 12 tahun," saran beliau lagi.

Di samping itu, apa yang penting bagi para peserta dan orang ramai adalah untuk memastikan keadaan basikal mereka dalam kondisi yang baik dan memuaskannya serta breknnya dapat berfungsi dengan baik, selain aksesori dan yang lain juga berfungsi bagi memastikan keselamatan para penunggang basikal.

Berangkat ke Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun

Oleh : Aimi Sani, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis berkenan berangkat ke Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun yang berlangsung di Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), di sini.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pesuruhjaya Polis Kehormat; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Timbalan Komandan Polis Wanita dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Inspektor Jeneral Polis berkenan berangkat ke Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun yang berlangsung di Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad Pusat Latihan PDB dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM menerima Tabik Hormat Diraja dan diikuti dengan memeriksa perbarisan kontingen-kontingen PDB.

Kontingen-kontingen perbarisan berkenaan melibatkan seramai 932 anggota polis dari jabatan-jabatan dan formasi-formasi di dalam PDB di bawah Pegawai Pemerintah Perbarisan, Penguasa Polis Mazalan bin Haji Awang Yaakub.

Kebawah DYMM kemudian berkenan mengurniakan titah diikuti dengan Kawalan Kehormatan dan Rombongan Panji-Panji PDB dalam tutup barisan dan berjalan lalu di hadapan Pentas Diraja dengan gerak perlahan dan cepat.

Acara diteruskan dengan ikrar taat setia oleh PDB yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Gerakan, Penguasa Kanan Polis, Chipli bin Haji Mohammad.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Pegawai Jenayah Daerah Polis Belait, Penolong Penguasa Polis Mohammad Amiruddin bin Haji Tunjang.

Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain kemudian berangkat ke Bangunan Ibu Pejabat PDB bagi Majlis Perasmian bangunan tersebut.

Terdahulu, Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah dari mantan-mantan Pesuruhjaya Polis.

Baginda seterusnya dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis untuk merasmikan Bangunan Ibu Pejabat PDB diikuti dengan laungan takbir 'Allahuakbar' sebanyak tiga kali diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Penyelia Detektif Daerah Polis Belait, Penolong Penguasa Polis Mohammad Aimi Safwan bin Zalidin.

Kebawah DYMM kemudiannya dijunjung untuk menandatangani Plak Perasmian Bangunan Ibu Pejabat PDB dan menerima pesambah kenangan daripada seluruh pegawai dan anggota pangkat rendah yang berupa 'Tongkat Kayu Malam Bertampuk Emas Lima Bintang' yang melambangkan keteguhan peneraju pasukan dalam menegakkan keadilan, keamanan serta ketenteraman negara.

Seterusnya, Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis untuk bergambar kenangan bersama Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Pesuruhjaya Polis, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengarah-Pengarah dan Timbalan-Timbalan Pengarah PDB.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan melawat ke Tingkat 2 Bangunan Ibu Pejabat PDB, iaitu Pejabat Pengarah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis ketika menerima Tabik Hormat Diraja sejurus keberangkatan tiba baginda di Padang Kawad Pusat Latihan PDB.

Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan; Bahagian Latihan, dan Kewangan; Bahagian

Keanggotaan dan Perancangan Kerjaya, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan. Baginda seterusnya berkenan

melawat ke Tingkat 4, iaitu Pejabat Pesuruhjaya Polis dan Pejabat Timbalan Pesuruhjaya Polis serta menyaksikan pameran cap dan

pedang dan kemudiannya berkenan menandatangani lembaran kenangan. Ibu Pejabat PDB yang

bernilai lebih BND20 juta itu mula dibina pada bulan Jun 2010 dan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2014.



KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa berangkat melawat ke salah sebuah cawangan PDB yang ditempatkan di Bangunan Baharu Ibu Pejabat PDB (atas). Sementara gambar kanan, baginda bersama paduka anakanda dan adinda berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai PDB sebelum berangkat meninggalkan majlis.



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan bergambar ramai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis berkenan menyempurnakan Perasmian Bangunan Baharu Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda dan adinda dijunjung melawat ke salah sebuah tingkat Bangunan Baharu Ibu Pejabat PDB.



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai kanan polis yang hadir ke Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 15/02/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 20 FEBRUARI 2017

TARIKH TUTUP: 06 MAC 2017

1. MANDUR
D.3-4 EB.5
BAHAGIAN IV
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN: 02



TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN

Tarikh tutup iklan 15/02/2017 dilanjutkan ke 25/02/2017

1. Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II, Jabatan-Jabatan Kerajaan (2017/004/03)
2. Tukang Pelan, Jabatan-Jabatan Kerajaan (2017/004/01)
3. Pembantu Teknik Kanan, Jabatan-Jabatan Kerajaan (2017/004/02)
4. Penyelenggara Stor Tingkat III, Jabatan-Jabatan Kerajaan (2017/005/02)
5. Juruteknik Ukur Kanan, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan (2017/005/01)

Tarikh tutup iklan 18/02/2017 dilanjutkan ke 25/02/2017

1. Merinyu Kerja, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan (2017/005/03)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123

PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PERGURUAN UGAMA

PROGRAM PENGAJIAN

1. Doktor Falsafah Perguruan Agama Usuluddin.
2. Doktor Falsafah Perguruan Agama Syariah.
3. Doktor Falsafah Perguruan Agama Pendidikan Islam.
4. Doktor Falsafah Perguruan Agama Sejarah dan Tamadun Islam.
5. Doktor Falsafah Perguruan Agama Sastera Islam.
6. Doktor Falsafah Perguruan Agama Bahasa Arab.
7. Doktor Falsafah Perguruan Agama Kajian Ahli Sunnah Waljamaah.

SYARAT KEMASUKAN

1. Memperolehi ijazah Sarjana Perguruan Agama dari KUPU SB. Atau
2. Memperolehi ijazah Sarjana Pengajian Islam atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB. Atau
3. Mempunyai kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf. Atau
4. Mempunyai kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB. dan
5. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

TEMPOH PENGAJIAN

1. Sepenuh Masa:
Minimum tiga (3) tahun atau enam (6) semester biasa.
Maksimum empat (4) tahun atau lapan (8) semester biasa.
2. Separuh Masa:
Minimum tiga (3) tahun atau enam (6) semester biasa.
Maksimum enam (6) tahun atau 12 semester biasa.
3. Tempoh yang ditetapkan Senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

PROGRAM DIPLOMA PERGURUAN UGAMA LEPASAN IJAZAH

PROGRAM PENGAJIAN

1. Diploma Perguruan Agama Lepas Ijazah.
2. Diploma Perguruan Agama Lepas Ijazah (Pengajaran Bahasa Arab Bagi Penutur Bukan Arab).

SYARAT KEMASUKAN

Memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam atau yang sebanding dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar dalam program ini adalah Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab dan Inggeris akan digunakan bagi mata kursus yang relevan.

TEMPOH PENGAJIAN

1. Sepenuh masa:
Satu (1) tahun/ Dua (2) Semester
2. Tempoh yang ditetapkan Senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

PROGRAM IJAZAH SARJANA PERGURUAN UGAMA

PROGRAM PENGAJIAN

1. Sarjana Perguruan Agama Usuluddin
2. Sarjana Perguruan Agama Syariah
3. Sarjana Perguruan Agama Pendidikan Islam
4. Sarjana Perguruan Agama Sejarah dan Tamadun Islam
5. Sarjana Perguruan Agama Sastera Islam
6. Sarjana Perguruan Agama Bahasa Arab
7. Sarjana Perguruan Agama Kajian Ahli Sunnah Waljamaah

SYARAT KEMASUKAN

1. Memperolehi Ijazah Sarjana Perguruan Agama dari KUPU SB dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 atau mana-mana Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

Bagi mod Tesis Penuh, pemohon hendaklah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perguruan Agama dari KUPU SB atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB dengan PNGK 3.50 atau pangkat Jayyid idan ke atas.

Don

2. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

TEMPOH PENGAJIAN

1. Sepenuh Masa:
Minimum satu setengah (1 ½) tahun atau tiga (3) semester biasa.
Maksimum dua (2) tahun atau empat (4) semester biasa.
2. Separuh Masa:
Minimum satu setengah (1 ½) tahun atau tiga (3) semester biasa.
Maksimum empat (4) tahun atau lapan (8) semester biasa.
3. Tempoh yang ditetapkan Senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar kursus-kursus dalam program ini adalah Bahasa Melayu. Dalam penyediaan projek, disertasi atau tesis, calon boleh memilih sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris dalam penulisan.

PROGRAM DIPLOMA TERTINGGI PERGURUAN UGAMA

1. SYARAT KEMASUKAN

Syarat kemasukan bagi program Diploma Tertinggi Perguruan Agama ialah:

- a. Memperolehi Diploma Perguruan Agama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya. ATAU
- b. Pemegang Sijil Pelajaran Agama Brunei (SPUB) boleh dipertimbangkan tertakluk kepada penilaian Jawatankuasa Kemasukan dan pengesahan Senat KUPU SB. ATAU
- c. Lulus sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran sama ada Usuluddin atau Syariah dalam Brunei-Cambridge GCE 'A' atau yang sebanding dengannya, dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Agama Brunei Darjah VI atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.
- d. Calon dikehendaki:
 - i. Boleh membaca al-Qur'an dengan baik.
 - ii. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.
 - iii. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

2. TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian biasa adalah tiga (3) tahun atau enam (6) semester. Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

3. BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar dalam program ini adalah Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab akan digunakan bagi mata kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi mata kursus Bahasa Inggeris.

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN UGAMA

IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN UGAMA - DENGAN MINOR

1. MINOR

- Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah
- Falsafah Dan Pemikiran Islam
- Dakwah Dan Kesempitan
- Fiqh Dan Usul Fiqh
- Ahwal Syakhshiyah
- Kewangan Islam
- Pendidikan Awal Kanak-kanak
- Bimbingan Dan Kaunseling Islam
- Pendidikan Khas
- Multimedia Pendidikan Islam
- Pendidikan Sains Kemasyarakatan Islam
- Pendidikan Kesihatan Islam
- Pendidikan Seni Islam
- Pendidikan Bahasa Melayu Islam Beraja
- Keusahawanan Dalam Pendidikan Islam

2. SYARAT KEMASUKAN

Syarat kemasukan bagi program Sarjana Muda Perguruan Agama - dengan Minor ialah:

- a. Mempunyai Diploma Tertinggi Perguruan Agama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya. ATAU
- b. Lulus dalam Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STPUB). ATAU
- c. Lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran dengan memperoleh sekurang-kurangnya pangkat 'C' termasuk salah satu daripadanya Usuluddin atau Syariah dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Agama Brunei Darjah VI atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.

d. Calon dikehendaki:

- i. Boleh membaca al-Qur'an dengan baik.
- ii. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.
- iii. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

3. TEMPOH PENGAJIAN

- a. Tempoh pengajian biasa adalah empat (4) tahun atau lapan (8) semester.
- b. Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

4. BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar dalam program ini adalah Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab akan digunakan bagi mata kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi mata kursus Bahasa Inggeris.

PROGRAM DIPLOMA

PROGRAM PENGAJIAN

1. Diploma Pengajian Tauhid
2. Diploma Pengajian Tafsir dan Hadith
3. Diploma Pengajian Fiqh
4. Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh
5. Diploma Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah

Syarat Kemasukan:

- a. Memperolehi Sijil Latihan Perguruan Agama atau sebanding dengannya.
- b. Telah berkhidmat sebagai Guru Agama tidak kurang dari tiga (3) tahun.
- c. Atau mana-mana kelayakan yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.
- d. Lulus dalam ujian kelayakan.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa Melayu

TEMPOH PENGAJIAN

Sepenuh masa: 1 Tahun (2 semester)



جامعة سري بكاون للدراسة الدينية
KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
SERI BEGAWAN RELIGIOUS TEACHERS UNIVERSITY
COLLEGE

**PENGAMBILAN PELAJAR BULAN OGOS 2017
SESI AKADEMIK 2017/2018**

NOTA UMUM

1. Pemohon Biasiswa Kerajaan hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Penganugerahan Biasiswa Kerajaan adalah tertakluk kepada kelayakan dan sokongan pihak KUPU SB.
3. Memperolehi sekurang-kurangnya Kepujian (*Credit*) Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat 'O' atau yang setara dengannya.
4. Kelayakan pemohon melalui kelulusan Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' hendaklah diperolehi dengan menduduki peperiksaan tidak melebihi daripada dua (2) kali berturut-turut.
5. Pemohon yang berjaya hendaklah lulus tapisan keselamatan yang dikehendaki oleh KUPU SB.

PEMOHON MATANG (*Matured Applicants*)

Jawatankuasa Kemasukan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan boleh mempertimbangkan permohonan mengikut Program Ijazah Sarjana Perguruan Agama atau Ijazah Sarjana Muda Perguruan Agama sebagai pemohon matang tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Program Ijazah Sarjana Perguruan Agama:

- 1.1. Mempunyai pengalaman bekerja dengan kerajaan atau swasta dalam bidang yang bersesuaian tidak kurang daripada lima (5) tahun.
- 1.2. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda ATAU yang setara dengannya.
- 1.3. Lulus dalam ujian kelayakan (jika perlu).

2. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Agama:

- 2.1. Mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang daripada lima (5) tahun.
- 2.2. Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran agama dalam Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STPUB) dan memperoleh Sijil Pelajaran Agama Brunei (SPUB) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat *Jayyid*; ATAU
- 2.3. Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran sama ada Syariah atau Usuluddin dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' yang sebanding dengannya; ATAU
- 2.4. Memperolehi sekurang-kurangnya kepujian empat (4) mata pelajaran dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'O' termasuk Pengetahuan Agama Islam dan Bahasa Melayu.
- 2.5. Lulus Sijil Latihan Perguruan Agama atau yang sebanding dengannya daripada institusi-institusi pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan.
- 2.6. Lulus dalam ujian kelayakan.

TATACARA PERMOHONAN

1. **SEMUA** permohonan adalah melalui atas talian (*online*) yang dibukakan bermula pada **Hari Isnin, 9 Jamadilawal 1438H bersamaan 6 Februari 2017M**. Borang boleh didapati pada laman sesawang KUPU SB di alamat www.kupu-sb.edu.bn. Borang juga boleh diakses melalui imbasan kod dan pautan di bawah.
2. Pemohon dikehendaki menghantar borang permohonan yang lengkap dan telah disahkan oleh pihak-pihak yang berkenaan bersama salinan-salinan pengenalan diri, sijil-sijil akademik dan dokumen lain yang berkaitan **Ke Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, KUPU SB** tidak lewat pada **Hari Khamis, 2 Rejab 1438H bersamaan 30 Mac 2017M**.
3. Borang permohonan daripada pegawai kerajaan dan swasta, hendaklah disahkan oleh ketua jabatan, kementerian atau majikan masing-masing.
4. Permohonan yang tidak lengkap, dihantar lewat atau mengandungi maklumat yang tidak tepat tidak akan dipertimbangkan.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

**UNIT KEMASUKAN DAN REKOD PELAJAR, BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Telefon: (+673) 2236277 /8214494

Faks: (+673) 2225226

www.kupu-sb.edu.bn

Sila imbas kod untuk mengisi
borang permohonan

atau layari:

<https://tinyurl.com/kupusb-borang-kemasukan-17-18>





**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**1. BILANGAN TAWARAN :
JDBM / Q / 05 / 2017**

**TAWARAN :
DESLUDGING OF SEPTIC TANK AND
UNBLOCKING OF MANHOLES
AND GULLY TRAP FOR ALL
ZONE 1 GERAJ FOR
THE PERIOD OF ONE (1) YEAR**

**2. BILANGAN TAWARAN :
JDBM / Q / 06 / 2017**

**TAWARAN :
MEMBEKAL DAN MEMASANG
KAWALAN TIKUS BAGI TEMPOH
SATU TAHUN BERTEMPAT
BANGUNAN LAMA DAN BARU
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA SERTA DEWAN
MUHIBBAH, LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**3. BILANGAN TAWARAN :
JDBM / Q / 07 / 2017**

**TAWARAN :
MEMBEKAL DAN MEMASANG
KAWALAN TIKUS BAGI TEMPOH
SATU TAHUN BERTEMPAT
CAWANGAN BENGKEL,
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai Sijil Pendaftaran Kelas I dan II yang sah dan Sijil Pendaftaran Peniagaan 'Section 16 dan 17'.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1 Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00 (Ringgit : Sepuluh sahaja)** secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).

3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan nama projek.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :

Peti Tawaran

**Bahagian Kewangan Tingkat 1
Bangunan Baru**

**Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Lapangan Terbang Lama Berakas
Negara Brunei Darussalam.**

**TIDAK LEWAT SELASA, 7 MAC 2017,
JAM 2.00 PETANG**

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Tajuk Tawaran :

**1. UNISSA/SB/0150/2016/2017
CHECKING, GENERAL SERVICE,
REPAIR AND TOP UP GAS VARIEST
TYPE OF AIR-CONDITIONING UNIT
AT UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

**2. UNISSA/SB/0151/2016/2017
TO SUPPLY AND DELIVER MINIVAN
FOR UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

**3. UNISSA/SB0152/2016/2017
KERJA PEMELIHARAAN
MEMOTONG RUMPUT DI
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

**4. UNISSA/SB0153/2016/2017
PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN
KEBERSIHAN BAGI UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SELAMA TIGA (3) TAHUN**

**5. UNISSA/SB0154/2016/2017
MAINTENANCE WORKS FOR
PLUMBING, SANITARY FITTING &
SUNDRIES, CLEAN & UNBLOCK
CLOGGED SANITARY SYSTEM
FOR ONE (1) YEAR FOR UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**6. UNISSA/SB0155/2016/2017
MEMBEKAL PEKERJA (BURUH) BAGI
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF
ALI SELAMA ENAM (6) BULAN**

**7. UNISSA/SB0156/2016/2017
PERKHIDMATAN BURUH BAGI
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI SELAMA TIGA (3) TAHUN**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh didapati :

**BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1**

**BANGUNAN PENTADBIRAN
DAN KEWANGAN
SIMPANG 347, JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :
**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disedia di Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran dan Kewangan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
Gadong, BE1310
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Pada sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **21 Februari 2017, Selasa, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Sijil pendaftaran syarikat dari Pejabat Peguam Negara (*Form 16 dan 17 / Form X*) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**TERM CONTRACT (12 MONTHS)
FOR JANITORIAL CLEANING /
HOUSEKEEPING WORK AT
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2, JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN (2017-2018)**

1. TAWARAN sebut harga hanya ini dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam perkerjaan yang dimaksudkan (*bona-fide-tender*) sahaja. syarikat- syarikat / pemborong-pemborong dimestikan juga menghadapkan profil syarikat (*company profile*) ke atas pengalaman kerja yang pernah dilaksanakan dan yang berdaftar

dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas II dan Kategori SO2 sahaja di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang dikeluarkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan menggunakan BORANG ASAL (*ORIGINAL FORM*). Segala pertanyaan dan penerangan lanjut bagi mengikuti tawaran sebut harga ini bolehlah datang terus ke **Pejabat Pendaftar, Bangunan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1 Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

3. Bagi syarikat / pemborong yang berminat untuk mengikuti tawaran sebut harga hendaklah menyertakan dan menghadapkan salinan **SIJIL PENDAFTARAN 16 dan 17** yang dikeluarkan

oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Jabatan Peguam Negara, Negara Brunei Darussalam. Keutamaan akan diberikan kepada syarikat / pemborong yang mempunyai **ALAMAT PERNIAGAAN YANG SENANG DIHUBUNGI**. Serta hendaklah berdaftar di Tabung Amanah Pekerja (TAP), Kementerian Kewangan.

4. Borang-borang tawaran sebut harga hendaklah diisi dengan **LENGKAP** dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang **BERTUTUP (SEALED ENVELOPE)** dengan menulis **BILANGAN TAWARAN, NAMA TAWARAN dan TARIKH TUTUP TAWARAN** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti pemborong atau syarikat

Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam kotak peti tawaran seperti alamat di bawah ini :

Pengerusi

**Lembaga Tawaran Kecil
Bahagian Kewangan, Tingkat 1
Bangunan Kementerian
Hal Ehwal Ugama Jalan Menteri Besar
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.**

1. Tawaran telah mula dibukakan pada **Rabu, 11 Jamadilawal 1438H bersamaan 8 Februari 2017M dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada Rabu, 25 Jamadilawal 1438H bersamaan 22 Februari 2017M, jam 12.00 Tengah Hari.**

2. Tempat untuk mendapatkan borang tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam kaunter bertugas sahaja.

سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان نكارا بروني دارالسلام ك-٣٣

**SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-33**



Menjayakan Wawasan Negara

Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin

26 Jamadilawal 1438 / 23 Februari 2017



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



Layari ePaper
Pelita Brunei

Musim durian tambah rezeki peniaga

Rencana dan Foto :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

KETIBAAN musim durian sekali setahun menyaksikan kewujudan gerai buah-buahan di tepi jalan sekitar daerah ini tidak ubah seperti cendawan selepas hujan. Oleh kerana durian adalah buah bermusim hanya pada masa-masa tertentu sahaja kita hanya dapat menikmati keenakan raja buah ini sepuas-puasnya.

Di merata tempat pasti kita akan melihat para peniaga menjual durian. Paling senang nak dapatkan durian pergi saja pasar malam atau pondok-pondok yang wujud begitu banyak di tepi-tepi jalan yang menjaja pelbagai jenis durian. Bila musim durian biasanya harga durian murah daripada harga hari biasa. Biasanya durian dijual secara kilogram dan longgak.

Walaupun ia terlihat sederhana, ternyata bisnis menjual durian merupakan bisnis yang sangat menguntungkan. Betapa tidak, keuntungan yang diraih penjual durian boleh mencapai 200%.

"Buah durian yang saya jual saya ambil dan beli dari negara jiran kita, harga bervariasi tergantung ukuran buah duriannya serta beratnya," ujar Dayang Mimi Subanti binti Abdul Hamid, mula melibatkan diri dalam berniaga buah-buahan sejak Pasar Pelbagai Barangan Gadong, yang terletak berhampiran dengan Pasar Ikan Gadong dibuka dan menjelaskan jika bukan musim durian kebiasaannya beliau akan berniaga buah-buahan seperti tembikai, pisang dan bermacam lagi.

Selain mendapatkan durian-durian yang didatangkan dari negara jiran berdekatan, Dayang Mimi Subanti yang sudah berjualan di kawasan berkenaan dan dibantu oleh suami beliau serta anak buahnya setiap tahun musim durian pastinya mereka akan mengambil kesempatan berjuala buah yang digemari ramai ini.

"November merupakan kemuncak musim buah durian di sini, di mana jumlah buah lebih banyak berbanding bulan sebelumnya.

Kadaan ketika ini umpama pesta durian di mana peniaga-peniaga menawarkan harga murah dan adakalanya dijual secara borong," katanya ketika ditemui.

Beliau juga mengaku sering mendatangkan atau mengambil dan mengeksport raja buah, iaitu durian dari negara berdekatan dengan melalui jalan darat manakala durian yang seperti Musang King kebiasaannya melalui

kapal udara kerana ia didatangkan dari Pahang, Malaysia.

"Berniaga buah durian merupakan perniagaan bermusim kerana ia mengikut musim buah ini menghasilkan buahnya, namun ia merupakan musim yang begitu menguntungkan kepada si penjual buah ini dan bila saja tiba musim penuhnya kita dapat melihat para peniaga kecil-kecilan mula membuka bisnis menjual siraja buah ini di merata tempat apatah lagi memandangkan durian merupakan buah yang begitu mendapat sambutan yang memberangsangkan di negara kita," ujar beliau.

Jelasnya, namun di negara kita harga bukanlah persoalannya apa yang penting adalah kelunakkan dan tebalnya isi durian tersebut, dan bukan hanya untuk durian tempatan tetapi juga durian yang didatangkan dari negara jiran seperti Sabah dan Semenanjung Malaysia, antaranya yang menjadi kegilaan para peminat durian di sini ialah Durian Musang King, Mas Pahang, Mas Johor, Durian Tembaga dan tidak ketinggalan Durian Putih, Kuning dan Durian Pulu.

Percaya atau tidak tambahnya, ketibaan musim durian setiap tahun adalah satu rahmat bagi sesetengah pihak khususnya penjaja yang terdiri daripada golongan belia kampung.

Peniaga durian setiap tahun akan merasa bertuah dan beruntung kerana musim inilah rezeki dari si raja buah ini melimpah ruah. Beliau yang sudah lama melibatkan diri dalam perniagaan di Pasar Pelbagai Barangan Gadong dan baginya musim durian umpama lubuk emas bagi peniaga kecil seperti ini malah pemilik dusun durian turut meraih pendapatan lumayan.

Bagi orang kitani di negara ini, pekerjaan ini merupakan pekerjaan bermusim. Dayang Mimi Subanti yang dibantu oleh Awang Mohd. Nurrahman bin Yunus juga tak ketinggalan dan berpeluang berniaga kerana pendapatan menjual buah durian agak lumayan hasilnya.

Katanya melalui keuntungan diperoleh, dapat digunakan sebagai modal pusingan serta untuk keperluan harian.

Menyentuh tentang pilihan orang kitani di negara ini, kebanyakannya jelas beliau yang sudah lama bergelombang dengan perniagaan buah durian ini setiap tahun, Durian Musang King, D168 dan Durian Tembaga menjadi pilihan si peminat buah durian, walaupun ia sedikit mahal namun kesedapan dan kelunakan isinya yang tebal itulah menjadi tarikan dan kegemaran orang kitani di negara ini.

"Untuk mendapatkan dan mengeksport durian dari negara luar ini secara kasarnya modal yang kami keluarkan dalam BND1500 dan adakalanya juga mencecah sehingga BND6 ribu hingga BND8 ribu jika durian tersebut terlalu



ENAKNYA durian-durian yang dijual Dayang Mimi Subanti binti Abdul Hamid.

banyak, namun di atas permintaan orang ramai, Alhamdulillah ia membantu menimbal kembali modal yang dikeluarkan," jelas beliau.

Walaupun bagaimanapun, tambahnya lagi, tidak semua durian yang diborong berkenaan mempunyai isi yang memuaskan dan ini tergantung juga kepada nasib si pembeli, sementara durian-durian yang tidak terjual namun isi masih baik akan dikopek dan dijadikan tempoyak pula kerana permintaan untuk membuat tempoyak juga ramai.

Tentang kepuasan pembeli durian di tempat Dayang Mimi Subanti ini pula ternyata yang saya selaku penulis sendiri memerhatikan rata-rata pelanggan merasa puas hati bahkan ada yang langsung menikmati buah durian yang dibeli ditempat mereka berjual bahkan harga yang diberikan juga boleh diterima atau dikurangkan sedikit.

Menurutnya lagi tahun ini kebanyakan durian yang mereka jual adalah Durian Kawin, Musang King, Tembaga, D168, D24, dan D93 termasuk juga Durian Putih, Kuning dan Pulu.

"Ada sesetengah peminat durian ni tak tahu bagaimana hendak mendapatkan kualiti dan isi durian yang terbaik dan keduanya pula kadang berasa rimas dengan baunya yang kuat tambahan lagi apabila bau tersebut melekat dekat pada tangan kita jadi dekat sini aku ingin berkongsi tip-tip memilih

durian," ulasnya.

Menurutnya kalau hendak memilih durian kena pastikan buah durian yang dijual itu bersih luarannya, maksudnya tak ada daun-daun kering atau tanah melekat pada duri durian tersebut kerana objek tadi boleh menghalang lubang-lubang ulat pada durian dari dilihat dan seterusnya kita goncang buah durian itu dan dekatkan dengan telinga jika dengar ulas durian berlaga bermaksud durian itu masak kerana apabila durian masak isinya akan mengecut dan meninggalkan ruang antara ulasannya.

Untuk petua pula jelas Dayang Mimi Subanti, petua nak hilangkan bau durian di mulut dan di tangan selepas makan buah durian pula ialah dengan mengambil kulit durian yang sudah dimakan isinya tadi, ambil sedikit air masak tuangkan di rongga kulit durian tersebut dan air yang bertakung pada kelopak durian tadi kita minum airnya selepas itu basuh tangan dengan air baki tadi.

"InsyaAllah badan tak panas, bau mulut hilang dan tangan pun tak berbau durian. Sementara cara nak hilangkan bau durian bila letak dekat dalam kenderaan ialah dengan meletakkan beberapa tangkai daun kari pasti bau durian tersebut tak akan tinggal kenangan di dalam kenderaan kita," jelasnya mengakhiri perbualan tentang si raja buah.



PARA pelanggan sedang memilih jenis-jenis durian yang ada dijual.



KETUA Kluster 1, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hamidah binti Haji Daud (kiri) semasa menyampaikan plak dan sijil penghargaan kepada guru-guru Tahun 6 pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Sabtu, 18 Februari. - Majlis Apresiasi Guru-Guru Tahun 6, Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong Kluster 1 bagi Tahun 2016 adalah sebagai tanda penghargaan di atas usaha gigih guru-guru berkenaan dalam membantu pencapaian murid-murid Tahun 6 di Daerah Temburong bagi menghadapi Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) tahun 2016.

Majlis julung-julung kalinya yang diunkayahkan bersama oleh Guru-Guru Besar dan kumpulan Kluster 1 Daerah Temburong itu berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Ketua Kluster 1 Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan,

Dayang Hamidah binti Haji Daud semasa berucap merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru-guru Tahun 6 yang terlibat di atas usaha gigih mereka dalam membantu kejayaan para murid dengan pengajaran mereka yang berkesan di sekolah bagi subjek-subjek yang diperiksakan dalam PSR tahun lalu.

Tambahnya, sambutan yang diadakan ini merupakan majlis yang khusus bagi memberikan penghargaan atas pencapaian cemerlang dan sangat baik para murid sekolah dan juga Kluster 1 secara keseluruhan, serta tidak melupakan program-program 'intervensi' kelas-kelas tambahan yang dilaksanakan oleh sesetengah guru, sama ada yang diadakan semasa

Usaha gigih guru-guru bantu kejayaan para pelajar

hari persekolahan atau pada hari Jumaat serta Ahad dan juga pada waktu malam.

Selain itu ujanrya lagi, penghargaan juga diberikan kepada guru-guru yang menjalankan program khas 'anak angkat' dalam memastikan prestasi pencapaian para murid meningkat dan menjamin kejayaan mereka di dalam peperiksaan serta pembelajaran yang kukuh bagi pelajar menghadapi pembelajaran di peringkat menengah.

"Saya juga mengambil maklum dan amat memahami keadaan guru-guru terutama dari segi masa, wang ringgit serta tenaga biskita yang dicurahkan demi anak didik dan juga sekolah masing-masing. Jasa biskita serta penat lelah dan jerih payah yang biskita hadapi tahun lepas, tahun-tahun sebelumnya dan juga tahun ini dalam sama-sama mencapai sasaran adalah sangat dihargai. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan dapat membalas dan memberikan ganjaran pahala kepada biskita dan semoga dengan adanya majlis seumpama ini, juga guru-guru akan sentiasa proaktif secara berterusan, bersemangat dan fokus dalam meningkatkan bukan sahaja pencapaian pelajar malah peningkatan diri, sesuai dengan profesi kita sebagai pendidik di mana pembelajaran sepanjang hayat adalah satu perkara yang tidak asing lagi,"

ujarnya selaku tetamu kehormat.

Sementara itu, Pegawai Pelajaran Kanan Daerah, Kluster 1, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Siasa bin Haji Tambah, selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, penganjuran majlis ini merupakan satu wadah bagi pihak jabatan dengan kerjasama Guru-Guru Besar Daerah Temburong untuk menzahirkan rasa penghargaan dan terima kasih terhadap usaha yang telah dilakukan oleh guru-guru Tahun 6 sepanjang tahun 2016, biarpun menurutnya apa yang diberikan pada majlis ini sudah setentunya tidak setimpal dengan usaha dan pengorbanan yang dicurahkan oleh guru-guru Tahun 6 dalam memastikan kejayaan anak-anak didik mereka.

Beliau turut menyeru guru-guru Tahun 6 pada tahun ini untuk berusaha dengan lebih gigih lagi bagi peperiksaan PSR tahun 2017, yang menurutnya memerlukan usaha yang 'luar biasa' untuk mendapatkan pencapaian yang 'luar biasa', terutama bagi mencapai peratus lulus 'A' hingga 'C' sasaran kebangsaan yang meningkat kepada 90 peratus pada tahun ini berbanding sasaran 79 peratus pada tahun lalu.

Pada majlis ini, tetamu kehormat telah menyampaikan plak dan sijil penghargaan kepada guru-guru Tahun 6 bagi tiga kategori penghargaan.

Kategori pertama ialah bagi

sekolah-sekolah yang mencapai sasaran kebangsaan 79 peratus memperoleh pangkat 'A' hingga 'C' dalam Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) tahun 2016, kategori kedua bagi sekolah yang menghasilkan murid-murid yang mendapat keputusan 5 'A', manakala kategori ketiga pula ialah penghargaan kepada guru-guru Tahun 6 yang mengajar subjek yang diperiksakan dalam PSR dalam tahun 2016.

Dalam PSR 2016, Sekolah Rendah Negalang merupakan satu-satunya sekolah di Daerah Temburong yang mencapai 100 peratus lulus dengan para murid berjaya mendapat pangkat 'A' hingga 'C' serta berjaya mengatasi sasaran kebangsaan 79 peratus yang memperolehi pangkat 'A' hingga 'C'.

Sebanyak lima buah sekolah juga berjaya menghasilkan murid-murid yang mendapat keputusan 5 'A', iaitu Sekolah Rendah Negalang seramai empat orang murid, Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar seramai dua orang murid, Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi dengan seorang murid, Sekolah Rendah Selapon dengan seorang murid dan Sekolah Rendah Labu Estate dengan seorang murid, menjadikan jumlah keseluruhan murid-murid yang mendapat keputusan 5 'A' seramai sembilan orang.



KETUA Kluster 1, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hamidah bergambar ramai bersama guru-guru Tahun 6 pada Majlis Apresiasi Guru-Guru Tahun 6, Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong Kluster 1 bagi Tahun 2016.

Tiga produk kosmetik dicemari bahan terlarang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan tiga produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Perkhidmatan Makmal Farmasi, Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk-produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk-produk berkenaan, ialah Moleek Skincare Anti Pigmentation Cream Beauty & Flawless, diedarkan oleh Sejagat Global Resources yang dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinoin; SYL Stay Younger Lotion Special Medicated Facial Lotion Total Skincare product with Anti-Ageing Property, diedarkan oleh Deskey General Merchandise, Philippines dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinoin dan Fantasy Skincare Formulasi terbaik dengan Estrak Minyak Argan, Estrak Bearberry,

Estrak Betik - Krim Malam, diedarkan oleh D'Herbs Holdings (M) Sdn Bhd, Selangor yang dicemari dengan Hydroquinone.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, bahan-bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Hydroquinone dan Tretinoin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik).

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Penggunaan Tretinoin yang tidak



MOLEEK Skincare And Pigmentation Cream Beauty & Flawless.

betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Kementerian Kesihatan telah membatalkan Surat Pengakuan Notifikasi bagi produk SYL Stay Younger Lotion Special Medicated Facial Lotion Total Skincare product with Anti-Ageing Property. Manakala bagi produk selebihnya yang dinyatakan di atas, Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk



SYL Stay Younger Lotion Special Medicated Facial Lotion Total Skincare product with Anti-Ageing Property.

memberhentikan penggunaannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan berasa tidak sihat selepas penggunaan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara online seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik dalam pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau



FANTASY Skincare Formulasi terbaik dengan Estrak Minyak Argan, Estrak Bearberry, Estrak Betik - Krim Malam.

kedua-duanya sekali. Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dalam pasaran di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan melalui talian telefon +673 2384182 pada waktu pejabat, menghantar e-mel ke health.regulations@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Penguatkuasaan di Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan, Tingkat 1, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam. Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi sebarang pertanyaan lanjut.

Bank Standard Chartered lancar produk terbaharu

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Muhd. Nazih Haji Zaini
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

JERUDONG, Sabtu, 18 Februari. - Bank Standard Chartered (SCB) telah melancarkan produk terbaharunya, iaitu Standard Chartered Visa Debit Platinum dan Gold yang merupakan satu lagi detik sejarah bagi SCB yang telah berada di negara ini sejak April 1958.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, ialah Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall,

The Empire Hotel & Country Club, Jerudong, di sini.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan kata alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SCB, Anirvan G. Dastidar yang antara lain menjelaskan, pelancaran kad debit tersebut menawarkan pelanggan untuk menyelesaikan pembayaran dan pengurusan tunai yang lebih mudah untuk keperluan seharian.

Manakala dalam ucapan daripada

Ketua Regional SCB, Sebastian Arcuri yang antara lain menerangkan SCB merupakan satu-satunya bank antarabangsa untuk beroperasi di seluruh negara anggota ASEAN.

"Kami ingin meneruskan lagi dan terus komited untuk menyumbang secara positif ke arah pembangunan ekonomi dan sosial. Kami juga menawarkan penyelesaian kewangan yang komprehensif untuk pelanggan-pelanggan kami, selain membantu masyarakat," tambahnya lagi.

Perasmian yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, sebelum diselajurkan dengan penyampaian cenderahati yang disampaikan oleh Sebastian Arcuri kepada tetamu kehormat.

Pengurus Visa bagi Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam, Ooi Huey Tyng seterusnya memberikan penerangan lanjut mengenai kad debit yang menawarkan Kad Platinum dan Gold.

"Dengan menggunakan kad tersebut untuk membeli tiket penerbangan atau pakej perjalanan keluar negara, pemegang Kad Platinum juga boleh menikmati perlindungan



PENGARAH Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman (kanan) semasa merasmikan produk terbaharu, iaitu Standard Chartered Visa Debit Platinum dan Gold.

insurans perjalanan daripada SCB yang boleh mencapai sehingga BND500,000," ujarnya.

Pemegang Kad Platinum juga boleh mendapatkan rebat tunai (*cashback*) sebanyak 0.8 peratus bagi semua transaksi selama satu tahun bermula 1 Februari ini hingga 28 Februari 2018, manakala pemegang Kad Gold boleh memperoleh 0.2 peratus rebat

tunai dalam jangka masa yang sama, jelasnya.

Terdahulu, beliau menjelaskan, Kad Debit SCB tersebut juga menggunakan teknologi transaksi 'PayWave' yang mana sistem tersebut boleh mempercepatkan dan memudahkan urusan semasa membuat transaksi dengan lebih selamat.

Mangsa kebakaran terima sumbangan



PEMANGKU Pengarah Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajjah binti Haji Mokhtal semasa menyampaikan derma kepada salah seorang penerima.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MUKIM BERAKAS, Sabtu, 18 Februari. - Dalam memeduli kebajikan guru-guru dan anak-anak murid sekolah agama, Jabatan Pengajian Islam (JPI) terus memberikan perhatian dan pemedulian terhadap mereka yang ditimpa musibah dan memerlukan bantuan sumbangan derma kebakaran.

Seorang guru dan lapan murid dari Sekolah Menengah Awang Semaun, Kawasan Brunei IV dan seorang murid dari Sekolah Agama Sukan, Kawasan Brunei I yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Kampung Sungai Asam, Kampung Lurong Dalam dan Kampung Pandai Besi menerima sumbangan derma berkenaan.

Mereka terdiri daripada Dayang Hajah Haifah binti Haji Mohd. Modin, Awang Md. Amin Nur Aiman Wahyuddin bin Md. Riduan, Awang Md. Hafiz Jazimin bin Sabli, Dayang Nurul Haziqah Nabilah binti Sabli, Dayang Nurul Harziqah

Fazilah binti Sabli, Awang Md. Fitri bin Musalim, Awang Md. Dzul Fariz bin Musalim, Dayang Elyana binti Omar, Dayangku Ihsan Nurul Izzati binti Pengiran Md. Asrul dan Awang Mohd. Asraf bin Abdullah Mohd. Asrul.

Penyerahan sumbangan derma bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah disampaikan oleh Pemangku Pengarah JPI, Dayang Hajjah binti Haji Mokhtal yang juga dalam ucapannya berharap bantuan itu akan dapat meringankan beban para mangsa kebakaran tersebut.

Menurutnya, sebanyak BND11,438.90 hasil kutipan sumbangan derma daripada pihak-pihak sekolah diagih-agihkan kepada para mangsa kebakaran.

Oleh itu, beliau berharap sumbangan itu akan dapat dimanfaatkan dengan perkara-perkara yang berkebakaran khusus untuk membantu anak-anak sekolah.

Pusat Al-Islah Kupang miliki Sudut Bacaan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Sabtu, 18 Februari. - Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan menjelaskan, Sudut Bacaan ditubuhkan adalah bagi menjunjung dan mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah menjadikan penduduk negara ini betul-betul berilmu.

Beliau menjelaskan hal tersebut ketika berucap pada penubuhan satu lagi Sudut Bacaan khusus yang dikenali sebagai Bacaan Pusat Al-Islah Kupang, Biro Kawalan Narkotik (BKN) di Pusat Al-Islah Kupang, BKN, Tutong, di sini.

"Selain dari itu, ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat supaya sama-sama berperanan dalam meningkatkan budaya membaca demi masa depan bangsa, agama dan negara," tambahnya lagi.

Terang beliau lagi, DBP memilih untuk menubuhkan Sudut Bacaan di Pusat Al-Islah kerana untuk memberikan pendedahan kepada residen-residen mengenai dunia luar melalui pembacaan, di samping untuk membantu meningkatkan proses rawatan dan pemulihan dadah melalui bahan-bahan bacaan yang berunsur keagamaan, pengajaran dan motivasi yang dapat memberikan kesan dan impak positif kepada perkembangan psikologikal dan emosi residen-residen di pusat tersebut.

Terdahulu, acara yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan lagi dengan perasmian oleh tetamu kehormat.

Majlis juga menyaksikan pertukaran cenderahati di antara Penolong

Pengarah Pusat Al-Islah, Awang Zainol Adi bin Haji Ajmain yang merupakan Komandan Pusat Al-Islah bersama tetamu kehormat.

Sudut Bacaan tersebut dilengkapi dengan perabot dan bahan-bahan bacaan yang akan ditukar tiga bulan sekali dan akan dikendalikan oleh pihak Pusat Al-Islah atas bantuan dari kakitangan DBP sebagai alat bantu

kepada tenaga-tenaga pemulihan dan kaedah terapi secara sistematik seperti kaunseling dan latihan vokasional.

DBP menyeru kepada residen-residen pusat tersebut untuk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di sana dan akan menjaga Sudut Bacaan tersebut dengan baik.



PERTUKARAN cenderahati di antara Penolong Pengarah Pusat Al-Islah, Awang Zainol Adi bin Haji Ajmain yang juga Komandan Pusat Al-Islah bersama tetamu kehormat, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan.

Program Awasi Anak Kitani barigakan maklumat bermanfaat

Berita dan Foto :
Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

MUKIM SUNGAI KEBUN, Sabtu, 18 Februari. - Dalam usaha menyebarkan maklumat semasa dan memastikan anak-anak bangsa terus bergerak sihat dan cergas selaras dengan pembangunan negara, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat meneruskan Program Awasi Anak Kitani yang diadakan di Dewan Masjid Al-Muhtadee Billah Sungai Kebun, Kampung Sungai Kebun, di sini.

Program yang diadakan dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Pejabat Peguam Negara (PPN) dan Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah Sungai Kebun kali ini adalah bagi rakyat dan penduduk yang bermastautin di Mukim Peramu, Mukim Saba dan Mukim Burong Pinggai Ayer di Daerah Brunei dan Muara dengan keramaian 200 orang peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan

oleh Pegawai Masjid berkenaan, Awang Mohammad Hasnal bin Haji Mohammad.

Dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad selaku Pengerusi Majlis tersebut menegaskan, atas dasar tanggungjawab Jabatan Penerangan sama-sama turun padang bagi membantu kerajaan dalam sama-sama membanteras gejala yang dipandang serius dan kesannya terhadap negara.

Menurutnya, melalui program ini juga masyarakat mukim dan kampung yang terlibat didedahkan dengan pengetahuan mengenai gejala penyalahgunaan dadah haram serta implikasi dan tanda-tanda awal penyalahgunaan tersebut agar dapat diketahui serta dibendung bersama.

Taklimat pertama telah disampaikan oleh wakil daripada BKN, iaitu Penolong Pegawai Narkotik, Awang Haji Md. Eddy Halizannurullah bin Haji Md. Zain yang memperjelaskan mengenai jenis-jenis dadah dan hukuman yang boleh dikenakan termasuk denda bagi setiap kesalahan.

Menurut beliau, undang-undang Negara Brunei Darussalam memperuntukkan 10 tahun penjara



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (lima, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani bagi Mukim Saba, Mukim Peramu dan Mukim Burong Pingai Ayer.

serta denda sebanyak BND20,000 bagi kesalahan memiliki dadah terkawal sintetik dikenali dengan nama saintifiknya *methylenphetamine* atau dikenali dengan nama 'syabu'.

Jelasnya, bagi kesalahan memiliki dadah jenis heroin memperuntukkan hukuman gantung di leher sampai mati jika sabit kesalahan.

Sementara itu, pegawai daripada JKDN turut mengongsikan isu-isu keselamatan di bawah pemantauan jabatan tersebut yang berupa ancaman-ancaman pengganasan, ekstremis agama, subversif, sabotaj, penyuluhan dan perkauman menerusi taklimat dan tayangan video.

Menurut pegawai JKDN tersebut, orang ramai adalah dialu-alukan untuk memberikan sebarang maklumat berkaitan dengan ancaman-ancaman dengan menghubungi jabatan tersebut di talian 133 atau menerusi e-mel isd133@kdn.gov.bn.

Manakala taklimat ketiga dan terakhir disampaikan daripada PPN yang menyentuh mengenai Jenayah Siber yang disampaikan oleh Pegawai Undang-Undang, Awang Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi.

Dalam taklimat, beliau menyentuh mengenai risiko dan bahaya penggunaan media sosial jika tidak ditangani dengan betul dan beretika.

Semasa menyampaikan taklimatnya beliau turut mengongsikan beberapa kes yang berlaku melibatkan remaja dan belia di negara ini untuk dijadikan

iktibar bersama.

Pada akhir program berkenaan para peserta berpeluang menyaksikan pameran statik yang dibawakan oleh Jabatan Penerangan, BKN, JKDN serta pameran daripada Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Salah seorang peserta semasa ditemui oleh Pelita Brunei, Pemangku Penghulu Burong Pingai Ayer selaku Ketua Kampung Lurong Dalam dan Pemangku Ketua Kampung Sungai Pandan 'A' dan 'B', Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu melahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas usaha Jabatan Penerangan menganjurkan Program

Awasi Anak Kitani yang pastinya banyak memberikan manfaat kepada semua.

Antara yang hadir di majlis berkenaan ialah Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim; Pemangku Penghulu Mukim Saba, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat; Pemangku Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu dan Ketua Imam Pengiran Mohd Amiruddin bin Pengiran Haji Tejuddin selaku Pengerusi Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.



SALAH seorang daripada para peserta menanyakan soalan pada program tersebut.



SEBAHAGIAN daripada para peserta mendapatkan naskhah buku-buku terbitan dari Jabatan Penerangan.

Kukuhkan semangat patriotisme pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam

menyemai semangat patriotisme serta menghormati dan menjiwai lagu kebangsaan, Program Belia Cinta Tanah Air Ke-12, Tahun 2017 diteruskan lagi melalui taklimat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan negara 'Allah Peliharakan Sultan'.

Pada taklimat tersebut, beliau menjelaskan lebih lanjut mengenai definisi bendera, peranan dan sejarah bendera dan lagu kebangsaan.

Selepas taklimat, para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan video klip 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan.

Program berkenaan dihasratkan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotisme para pelajar

mengenai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Bendera merupakan lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, ia juga menjadi lambang kesepakatan dan perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia.

Sementara menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan menaik-kibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam merupakan antara pendidikan awal para pelajar ke arah menimbulkan semangat kenegaraan serta kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

Semangat cinta kepada raja, agama, bangsa dan negara perlu disemai di peringkat generasi muda terutama pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah serta institusi pengajian tinggi.



SEBAHAGIAN daripada belia-belia yang menghadiri Program Belia Cinta Tanah Air Ke-12 Tahun 2017 di Pusat Belia.

سرداه سري

منجاي اكن واواسن نكارا

..... قُلْ هَلْ يَشْعُرُ الَّذِينَ يَغْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

إِنَّمَا يَنْذَرُ أُولَ الْأَنْبِيَاءِ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

كاتكله: اداكه سام اورغ ٢ يغ متهوي دهن اورغ ٢ يغ تيد متهوي؟
سغكوهن اورغ ٢ يغ مغييل فاجران هايه اورغ ٢ يغ مغيوي عقل يغ
داهه ميكر دان محامين.

مسلمين يغ درحي الله

سغكوهن اتوق متحاي كجاي دان سوريبيل (SURVIVAL) يغسا
دان تكارا رعية دان فلهودوق دتكارا اين قولو برساتو فلهو حيا مكيو
كرجايك ماهودوق سوامسا برسام ٢ ميغكوهن لوسها دام فصاغونل نكارا
ياكي متحاي ملامت واواسن 2035، اوله ايت برميقتا دهن سموتن لونغ
تاهون هاري كيسان نكارا بروني دارالسلام يغ ل-٣٣ اين سام ٢ه كيت
مظاهروكن راس شكور انس كامان دان كمهوران يغ كيت لعاني قد
ملي اين، دهن برامي ٢ حاضر كمسجد ٢، سوراو ٢ دان بالي ٢ عبادة
سلوروه نكارا يايت قد قنغ رايو ٢٥ جمادي الاول ١٤٣٨ هجره برمان
دهن ٢٢ فواري ٢٠١٧ مسيحي ياكي سام ٢ برميغ مغرب برجمعه،
مماج سورة يس دان دعاء كشكوران دهن قومون اوتام دممسجد عمر علي
سيف الدين، تدر سري نكارا.

مدهمدهن دهن يغ دمكين نكارا كيت علف ككل متحادي
سواه نكارا يغ مريكا لاكي برونة دان متحادي "بلدة طيبة ورب غفور"
"يايت نكارا يغ امان معبود دان توهن يغ ميا فقمون.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رَفَعُ دَرَجَتِهِ لِمَنْ لَشَاءُ وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عَلِيمٌ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{ سورة يوسف آية: ٧٦ }

تفسير:

كامي تيفكيك ففكة كلودوقن سياف يغ كامي كهتلفي دان
تيف ٢ اورغ برعلم ففهوران اداكي دانسن يغ لبه متهوي.

بارك الله لنا في القران العظيم، ونفعنا بالآيات والذكر الحكيم، وتقبل منا
تلاوته إله هوالشميع العليم، وأسئلكم الله العظيم لي ولكم وللسان المسلمين
والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروا قبا فورا المستغفرين وبالحاجة
القائين

مسلمين يغ درحي الله

سغكوهن اين اذاله ساه ساهو كايستيوان نكارا كيت يغ
مغيو، فكن حفاة كيسان، كطاعن كند راج دان متجوع يغ تيفكي اكام
إسلام دهن فلهو يلزام سرت متراحي واواسن نكارا 2035، اوله ايت
سلاكو رعية مسيله ميوك ميلا اتوق مفر كو كرهكن واواسن ترموت.

ساكمان يغ كيت معلوم، لهما سموتن هاري كيسان قد تاهون اين
إياله "منجاي اكن واواسن نكارا"، سغكوهن واواسن نكارا ٢٠٣٥ اذاله
كالكمان كياه دولي يغ ميا مليا فادك سري يكتدا سلطان دان يغ دفتوان
نكارا بروني دارالسلام، قداغن يكتدا يغ جايه كهتلفن مستيكن نكارا
بروني دارالسلام متحادي سواه نكارا يغ مغيوي رعية يغ برميقتن،
برميقتن دان برجاي، كهتلفن يغ برميقتن دان يكتومي يغ ديتاميك
دان برميقتن، كاره متحاي واواسن ترموت، كيت قولو برساتو اتوق
طاعة سياه كند راج دان نكارا، يقين قد ليالي ٢ اكام اسلام، مفعلمكن
ليالي ٢ مليا دان صفة برميقتن اذاله ساه يغسا اكام دان نكارا، فرمان
الله سبحانه وتعالى دام سورة النساء آية ٥٩:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ

وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ..... صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

واهي اورغ ٢ يغ برميقتن طاعته كاهو كند الله دان طاعته كامو
كند رسول الله دان كند اولي الامر (اورغ ٢ يغ برميقتن) دوقد كالفن
كامو.

جستوه، عالم مستيكن واواسن بروني 2035 داهه دجاي دهن جاي،
سليف رعية دان فلهودوق نكارا بروني دارالسلام قولو مغييل فرمان دان
متحاديكن ديوي مريك سلاكي اسيت يغ برميقتن دام لمساغون نكارا.

مسلمين يغ درحي الله

كاره متحاي واواسن 2035، أمثله قنغ ياكي رعية دان فلهودوق
نكارا اين اتوق مفعلمكن ديوي دهن علم دان كساهزان، ميلاكن ديوي
دام فصاغونل نكارا، سرت ميغكوهن دها ساه، برميقتن، كويافيف،
مماون يكتومي، فوليكتن، سوسيو - بوغاي، كساهزان دان ساكمان.

فرمان الله سبحانه وتعالى دام سورة الزمر آية ٩:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مسلمين يغ درحي الله

ماريله كيت ميغكوهن كفتوان كيت كند الله سبحانه وتعالى دهن
فلهو كيتن دان كياهان دهن ملاكوكن سلاكو سوروهن دان ميغكوكن
سلاكو لاراغن: مدهمدهن كيت متحادي انسان يغ برميقتن دان برميقتن
سرت سلامة دنيا دان سلامة آخرة.

مسلمين يغ درحي الله

قد تاهون اين كيت ميموت لونغ تاهون هاري كيسان نكارا بروني
دارالسلام يغ ل- ٢٣ يايت قد هاري خيس ٢
٩ جمادي الاول ١٤٣٨ هجره برميقتن ٢٢ فواري ٢٠١٧ مسيحي سلاكو
رعية دان فلهودوق نكارا اين، كيت قانوت برميقتن كحضرة الله سبحانه
وتعالى كران مغوريانك نعمة كامان، كسجهزان دان كمهوران، سموا
اين اذاله بركة كيت برميقتن نكارا دهن اكران اكام اسلام يايت مغريانك
اف يغ دهوروهن دان ميغكوكن اف يغ لاراغن دمفيع هيدوق برميقتن
فاده ثقا مغري يغسا دان اكام فرمان الله سبحانه وتعالى دام سورة آل
عمران آية ١٠٣:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَغْنِيصُوا عَنِ اللَّهِ جَبِيصًا وَلَا تَفْرُقُوا أَذْكُرُوا يَنْصَتُ اللَّهُ عَلَيْكُمْ

إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً قَالَتْ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِيَعِيْبَةٍ إِخْوَانًا.....

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

دان برميقتن نكرهه كامو دهن تالي (اكام) الله دان جافله كامو
برجاي براي دان لافله نعمة الله كند كامو كيت كامو برميقتن
(محاسن جافله دهلوه)، لالو الله مياتوكن اناكارا هاتي كامو دهن نعمة
اكام اسلام، مك متحايه كامو دهن نعمت ايت (اورغ ٢ اسلام) يغ
برميقتن.

الحمد لله، كيت برميقتن كران كياه دولي يغ ميا مليا فادك سري
يكتدا سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام سلاكو مغيقتن نكارا
متجوع يغ تيفكي اكران اسلام دام قمريقتن دان متحاديكن ملاكو اسلام
راج سلاكي لسيف نكارا، ساكمان تيه يكتدا دام قمريقتن
كمريكتن نكارا بروني دارالسلام قد ١ جنوري ١٩٨٤، تيك فلهو تيك
تاهون يغ لالو. اناكارا قنغ تيه يكتدا ايت اياله: "دمكين جوك اسلام اياله
اكام يغ متحامين سلوروه كشتين رعية دان فلهودوق دهن تيد مغيوا اف
موا اكام، سوكو قوم دان كمهوران، قنغيتن كات اكام اسلام اذاله جامين
كسلامان دان كسجهزان اتوق سموا، كران ايت تيد سياف قولو تاكوت
دان راكو مغيقتن."

IBTE tawarkan pelbagai program bagi pengambilan Julai 2017

Siaran Akhbar dan Foto :
Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Kampus Pusat Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah memberikan peluang kepada bakal pelajar-pelajar yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program yang ditawarkan bagi pengambilan Julai 2017 yang akan datang.

Hari Terbuka Kampus Pusat IBTE menyediakan peluang kepada ibu bapa dan pelajar bagi mengetahui cara pembelajaran di IBTE dan

mengambil pelbagai maklumat yang berguna, di samping Sesi Konsultasi yang juga menawarkan potensi peluang kepada pelajar untuk berbincang dengan tenaga pengajar mengenai program-program dan melihat kemudahan kampus serta mendapatkan nasihat mengenai keperluan khusus kemasukan dan pilihan kursus.

Hari Terbuka itu diteruskan pada hari Ahad, 19 Februari 2017 bermula jam 9.00 pagi hingga



HARI Terbuka Kampus Pusat Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengalu-alukan para pelajar untuk mengunjungi kampus-kampus IBTE yang ada di negara ini.

Bekas pekerja BSP dipenjara enam tahun

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Seorang warganegara tempatan dan bekas pekerja Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) Sdn. Bhd. yang berjawatan Senior Operations Supervisor di Bahagian Production Operations (POP) yang bernama Awang Salehen bin Haji Marsal telah dijatuhkan hukuman setelah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan atas 49 pertuduhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131) dan hukuman di bawah Bab 7(1) di bawah Akta yang sama.

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR), mendapati bahawa di antara April 2007 dan Januari 2009 tertuduh secara tidak jujur telah menerima suapan berjumlah BND200,872.13 (Dua Ratus Ribu, Lapan Ratus Tujuh Puluh Dua Ringgit dan Tiga Belas Sen) termasuk tiket penerbangan ke Bangkok, Thailand bernilai BND481.00 (Empat Ratus Lapan Puluh Satu Ringgit), tiket penerbangan ke Kuala Lumpur bernilai BND2,905.00 (Dua Ribu Sembilan Ratus Lima Ringgit), Penginapan hotel di Langkawi bernilai BND1,836.00 (Seribu Lapan Ratus Tiga Puluh Enam Ringgit) dan satu kamera Nikon D300 yang bernilai BND2,650.13 (Dua Ribu Enam Ratus Lima Puluh Ringgit dan Tiga Belas Sen) dari Steve Liew, iaitu seorang jurujual dari Syarikat Musfada Enterprise, salah sebuah syarikat Pembekal Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. sebagai ganjaran meluluskan 'Purchase Requisition' untuk pembelian produk yang merupakan sebahagian daripada kontrak dengan Syarikat Minyak BSP.

Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif James Kerr Findlay telah menjatuhkan hukuman enam tahun penjara bagi setiap pertuduhan yang mana hukuman dijalankan secara serentak berkuat kuasa pada hari ini.

Di samping itu, Mahkamah juga mengarahkan tertuduh untuk membayar denda sebanyak BND200,872.13 (Dua Ratus Ribu, Lapan Ratus Tujuh Puluh Dua Ringgit dan Tiga Belas Sen) dalam tempoh enam bulan dan juga kos pendakwaan sebanyak BND120,000.00 (Seratus Dua Puluh Ribu Ringgit) dalam tempoh tiga bulan.

Jika gagal membuat kedua-dua pembayaran tersebut, tertuduh dikenakan hukuman penjara tambahan selama 9 bulan.

Pihak pendakwaan telah diketuai oleh Dato Seri Setia Davindher Singh bersama-sama dengan pegawai-pegawai dari Pejabat Peguam Negara.

4.30 petang.

Para pelajar boleh melawat 'School of Aviation', Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan dan Pusat Pengajian Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang terletak di Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal.

Mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai program-program perniagaan boleh pergi ke Sekolah Perniagaan terletak di Kampus Perniagaan IBTE di Gadong.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program-program kejuruteraan tersebut, pelajar juga boleh melawat Sekolah Tenaga dan Kejuruteraan di Kampus Mekanikal IBTE di Kampung Tunku dan Kampus IBTE Nakhoda Ragam.

Maklumat mengenai perkhidmatan bangunan program berkaitan boleh diperolehi di Kampus IBTE Nakhoda Ragam.

Program NTec dan HNTec ditawarkan oleh Pusat IBTE untuk sesi Julai 2017 termasuk HNTec Kejuruteraan Elektronik; HNTec Elektronik dan

Media Teknologi; HNTec dalam Sistem Telekomunikasi; HNTec dalam Operasi Hospitaliti; HNTec dalam Perjalanan dan Pelancongan; NTec dalam Operasi Kulineri; NTec Perantisan dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Masakan Profesional; HNTec Teknologi Maklumat; HNTec Pengajian Maklumat dan Perpustakaan; NTec Teknologi Maklumat; HNTec Kejuruteraan Pembinaan; HNTec dalam 'Design and Draughting'; HNTec dalam Geomatik; HNTec dalam 'Aircraft Engineering Maintenance' (Kerangka Pesawat Udara dan Enjin); HNTec dalam 'Aircraft Engineering Maintenance' (Avionics); NTec dalam Bangunan Craft; HNTec Kejuruteraan Elektrik; NTec Teknologi Elektrik; HNTec dalam Automobil Teknologi; NTec Mekanik Kenderaan Berat; NTec dalam 'light Vehicle Mechanics'; NTec Perantisan Automotif, Juruteknik; HNTec dalam Perniagaan dan Kewangan; HNTec Pentadbiran

Pejabat dan NTec dalam Perniagaan dan Pentadbiran.

Mereka yang berminat untuk mengikuti program-program ini boleh mendaftar secara *online* melalui TVECAS di <https://ibte.edu.bn/tvecas> dan hari terakhir untuk mengemukakan permohonan adalah pada 4 Mac 2017.

Sebarang pertanyaan berhubung proses permohonan boleh diajukan kepada tvecas@ibte.edu.bn.

Selain itu, Kampus IBTE Satelit akan mengadakan Hari Terbuka pada 25 hingga 26 Februari 2017.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk melawat Kampus IBTE Jefri Bolkiah, Kampus IBTE Sultan Bolkiah dan IBTE Kampus Agro-Teknologi untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program yang ditawarkan.

Maklumat mengenai IBTE boleh diperolehi daripada www.ibte.edu.bn laman sesawang dan melalui akaun FB di www.facebook.com/brunei.technical.education.

MPK Luagan Dudok kelolakan kempen kebersihan

Berita dan Foto :
Ihsan Majlis Perundingan Kampung Luagan Dudok



KETUA Kampung Luagan Dudok, Awang Johari bin Maidin bersama ahli-ahli MPK Luagan Dudok dan penduduk kampung merakamkan gambar kenangan sejeurus selepas kempen kebersihan dan memotong rumput sepanjang Jalan Kecil Sembatang kampung tersebut.

TUTONG, Sabtu, 18 Februari. - Bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan menjaga kebersihan kawasan kampung, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Luagan Dudok telah mengadakan kempen kebersihan dan memotong rumput di sepanjang Jalan Kecil Sembatang, Kampung Luagan Dudok kelmarin.

Turut menyertai kempen tersebut, ialah Ketua Kampung Luagan Dudok, Awang Johari bin Maidin beserta ahli-ahli MPK dan penduduk kampung.

Kempen kebersihan dan memotong rumput bertujuan untuk memastikan jalan raya selamat dan tidak dihalang oleh rumput yang terbiar panjang serta membantu pihak kerajaan dalam sama-sama menjaga kebersihan kampung.

Selain itu, kempen ini juga untuk menanamkan sikap menjaga kebersihan dalam kalangan anak buah kampung dan memupuk kemufakatan dalam mengadakan kegiatan bergotong-royong.

Menerusi aktiviti ini juga akan dapat mengeratkan silaturahim dan kekeluargaan dalam kalangan penduduk Kampung Luagan Dudok dan ahli-ahli MPK bagi sama-sama menajayakan aktiviti tersebut.

Enam pasukan berentap rebut kejuaraan Bola Keranjang Hari Kebangsaan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) ketika diperkenalkan kepada wakil dari Pasukan Daerah Belait.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Enam pasukan mewakili dari seluruh negara, iaitu Belait-KB, Belait-Seria, Tutong, Brunei Muara 'A' dan 'B' serta Temburong berentap merebut juara di Kejohanan Bola Keranjang Hari Kebangsaan yang akan berakhir pada 26 Februari nanti.

Perasmian kejohanan anjuran bersama Persatuan Bola Keranjang Negara Brunei Darussalam (BBA) dan 5.11 itu disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berlangsung malam tadi di Gelenggang Bola Keranjang Batu Bersurat di sini.

Setiasaha BBA, Awang Wira bin Poni dalam alu-aluannya antara lain menyatakan kejohanan itu sebagai salah satu medium bagi mengenal pasti bakat para belia tempatan yang berpotensi dalam sukan bola keranjang untuk mewakili negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dan mengharumkan nama negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pertandingan bersempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-33 itu setentunya akan dapat menajamkan kemahiran para pemain, di samping mendalami lagi semangat sukan mereka.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi BBA, Johnny Ang berkata salah satu tujuan utama kejohanan itu bagi menyediakan landasan kepada generasi muda yang berbakat untuk mewakili negara.

Aspirasi bagi Jawatankuasa Eksekutif BBA yang baharu pada tiga tahun akan datang katanya adalah untuk memperkembangkan semangat bersaing pasukan di Kejohanan-kejohanan Bola Keranjang Asia Tenggara (SEABA).

Kejohanan kali ini memfokuskan kepada penyertaan belia di mana setiap pasukan dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya lima pemain berumur 23 tahun ke bawah sementara dua pemain lagi akan bermain di sepanjang permainan.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menyaksikan perlawanan di antara Belait 'A' bertemu Belait 'B', perlawanan dimenangi oleh pasukan Belait 'B' dengan 85 berbalas 65.

Sementara itu, pasukan Temburong berjaya menewaskan pasukan Tutong dengan 88 berbalas 78.

Juga hadir, Setiasaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Kejohanan Sepak Takraw Kebangsaan Piala NBT April nanti

Berita : Ihsan Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Kejohanan Sepak Takraw Kebangsaan Piala NBT Ke-6 tajaan NBT Brunei Sdn. Bhd. dijangka diadakan pada bulan April.

Jawatankuasa Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) telah mengadakan mesyuarat khas di Pejabat PESTABARU, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Dalam mesyuarat tersebut, telah membincangkan perkara-perkara yang akan dikendalikan seperti Kejohanan Belia Bawah 21 Tahun sempena Hari Belia Kebangsaan Ke-33 selepas Hari Raya nanti.

Turut dibincangkan juga ialah untuk mengadakan Sepak Takraw Pantai, 'Doubles Quad', Regu Kebangsaan.

PESTABARU juga diberikan penghormatan mengendalikan Sukan Kebangsaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada pertengahan bulan Mac nanti.

Seminar sehari bagi pengadil-pengadil PESTABARU sebelum Sukan Kebangsaan bermula juga akan diadakan.

Pasukan Sembatang sertai ekspedisi Berbasikal Varsiti



PASUKAN Sembatang dari Kampung Luagan Dudok bergambar ramai semasa menyertai ekspedisi Berbasikal Varsiti.

Berita dan Foto : Ihsan Pg. Sulaiman Pg. Haji Arsad

The Core, UBD menuju ke Bandar Seri Begawan untuk turut sama memeriahkan Bandarku Ceria sebelum meneruskan semula kayuhan kembali ke UBD.

Ahli Pasukan Sembatang terdiri daripada para penduduk Kampung Luagan Dudok yang meminati sukan berbasikal.

Pasukan itu juga membuka keahlian mereka terbuka kepada penduduk kampung tersebut dan orang ramai.

Mereka juga sangat aktif menyertai ekspedisi-ekspedisi yang dianjurkan di negara ini dan tidak ketinggalan memeriahkan Bandarku Ceria setiap hujung minggu.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Kira-kira 11 peserta berbasikal Pasukan Sembatang dari Kampung Luagan Dudok, Daerah Tutong telah menyertai ekspedisi Berbasikal Varsiti yang dianjurkan bersama oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB), hari ini.

Aktiviti berbasikal sejauh 43 kilometer tersebut telah bermula dari

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERPADUAN DAN KEHARMONIAN BENTENG KUKUH PELIHARA NEGARA

دريبتكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان من تري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.